

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAJAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

HARI KETUJUH	AHAD, 7 JULAI 2019	BIL. 5 TAHUN 14
---------------------	---------------------------	------------------------

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

**YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor**
Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna**
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan
dan Koperasi**
Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan
Pembangunan Luar Bandar**
YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi, PIS II., BSI., AMN
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar
dan Alam Sekitar**

Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, SPMJ., DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad, GPDk., PIS., PSI., AMN., KMN.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.

(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.(Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah, kita sudah sampai hari yang terakhir Persidangan kali ini yang akan melibatkan penggulangan daripada baki dua orang EXCO dan insya-Allah diakhiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Bentayan, jemput.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 1.

Adakah prestasi bagi setiap PBT dinilai oleh pihak kerajaan dan bagaimana cara ianya dinilai?

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bentayan yang mengemukakan soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Bentayan dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat, prestasi setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah dinilai oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT). Kriteria yang diberi penilaian adalah dari segi pengurusan, teras-teras perkhidmatan, pengurusan pelanggan dan juga penyertaan komuniti dan pandangan penduduk. Selepas penilaian dibuat, markah-markah akan ditentukan melalui sistem penarafan bintang yang dibahagikan kepada lima kategori iaitu daripada satu bintang ke lima bintang, di mana lima bintang adalah prestasi yang terbaiklah, satu bintang ialah bermaksud perlu ditambah baik lagi perkhidmatan daripada PBT yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Bentayan, soalan tambahan.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih atas jawapan daripada YB EXCO. Soalan tambahan saya, mintakkan YB EXCO senaraikan prestasi setiap PBT di negeri Johor ini mengikut Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Untuk makluman Yang Berhormat Bentayan, senarai penerima Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPBPBT) pada tahun 2018 adalah seperti berikut; di bawah kategori yang menerima kategori lima bintang PBT yang termasuk adalah, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Muar, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Perbandaran Segamat, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Pontian, Majlis Daerah Tangkak dan Majlis Daerah Kota Tinggi; di mana empat bintang adalah Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Daerah Simpang Renggam, Majlis Daerah Mersing; tiga bintang, Majlis Daerah Labis. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Penggaram.

YB Puan Gak Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2.

Apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan *Program Mama Friendly* untuk menggalakkan ibu bekerja mengepam susu di tempat kerja dilaksanakan secara menyeluruh, sehingga ke syarikat-syarikat kerajaan mahupun swasta?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Selamat pagi, salam sejahtera, salam Harapan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Penggaram atas soalan yang diberikan berkaitan dengan *Program Mama Friendly*. Untuk makluman, *Program Mama Friendly* iaitu *Bilik Mama Friendly* merupakan program di bawah inisiatif Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dan program ini termasuk dalam Ucapan Bajet Tahun 2019 iaitu di bawah Bajet Pembangunan Pelaksanaan Titik Fokus 141. Objektif program ini adalah menyokong dasar penyusuan ibu dengan menyediakan bilik penyusuan dalam usaha menggalakkan semua ibu bekerja agar menyusui anak dengan susu ibu sahaja sepanjang 6 bulan pertama dan meneruskan penyusuan sehingga anak berumur dua tahun. Selain itu, program ini menzahirkan keprihatinan kerajaan kepada kakitangan awam dan juga orang awam dan memastikan kebajikan dan keselesaan untuk menguruskan utiliti mereka. Ia juga memberi faedah kepada wanita yang masih menyusui badan untuk mengepam tanpa rasa malu atau segan, mengelakkan pandangan negatif dan mempunyai ruang serta tempat penyimpanan susu yang selamat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 26 Januari 2019, *Program Mama Friendly* telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia iaitu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sempena Program Santuni Rakyat di Plaza Angsana, Johor Bahru. Program ini telah mendapat perhatian di peringkat kebangsaan, liputan dan sambutan dari seluruh rakyat Johor, ketua-ketua jabatan kerajaan, swasta mahupun NGO (Badan Bukan Kerajaan). Manakala pada 16 Mei 2019, majlis perasmian *Bilik Mama Friendly* pula diadakan dan disempurnakan oleh Yang Mulia Che Puan Khaleeda binti Bustamam bertempat di Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi, Kota Iskandar.

Program Mama Friendly ini mensasarkan syarikat-syarikat swasta, NGO dan jabatan-jabatan kerajaan bersama-sama menyokong serta merealisasikan hasrat kerajaan agar kemudahan ini akhirnya disediakan di seluruh tempat dan lokasi tumpuan orang awam. Sehubungan dengan itu, langkah seterusnya kerajaan negeri Johor melalui YPKDT telah meneruskan usaha iaitu sehingga kini terdapat 14 MOU telah ditandatangani dalam merealisasikan *Program Mama Friendly* iaitu 10 dari pihak PBT, 3, 4 sorry, 4 syarikat swasta termasuk agensi kerajaan; iaitu PBT ini termasuk Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Perbandaran Kota Tinggi, Majlis Perbandaran Segamat, Majlis Daerah Tangkak dan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang, Majlis Daerah Pontian.

Dari pihak syarikat swasta atau syarikat termasuk *Infinity Aid, Malaysian Association of Hotels Johor Chapter, Austin Heights Sdn. Bhd., Senai Airports Terminal Service Sdn. Bhd.* Bagi peringkat pertama, kerajaan mensasarkan 30 syarikat swasta, NGO dan jabatan-jabatan kerajaan menyediakan *Bilik Mama Friendly* bagi kemudahan kakitangan dan juga orang awam. Selain itu, program ini juga akan diluaskan ke peringkat sekolah di negeri Johor. YPKDT telah menyarankan agar kerajaan negeri Johor mewajibkan semua pasar raya di negeri Johor menyediakan kemudahan bilik penyusuan bagi kemudahan

pengunjung, pelanggan dan pemantauan akan dilaksanakan oleh PBT. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Penggaram.

YB Puan Gak Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih kepada YB EXCO. Terima kasih kepada kerajaan untuk berusaha menjalankan program ini. Penggaram ingin tahu, selepas program ini dijalankan sejak bulan Januari, bagaimanakah sambutan dari pihak kalangan swasta dan masyarakat umum terhadap *Program Mama Friendly* ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Untuk makluman semua, selepas pelancaran *Bilik Mama Friendly*, pelancaran *Program Mama Friendly* oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan Januari 2019, YPKDT telah meneruskan usaha ini dengan menandatangani MOU dengan 14 pihak kerajaan negeri, pihak swasta dan badan bukan kerajaan yang seperti saya sebut tadi. Selain syarikat-syarikat yang telah menandatangani dengan YPKDT, kerajaan negeri mendapati bahawa sebenarnya banyak pihak telah mengambil inisiatif sendiri untuk mewujudkan *Bilik Mama Friendly* di tempat mereka sendiri dan mewujudkan bilik menyusu memandangkan memang ada keperluan tersebut di kalangan ibu bekerja seperti di kompleks beli belah dan pejabat korporat.

Sukacita saya makluman kepada Dewan yang mulia ini, baru-baru ini saya pun, minggu lepas, saya pun baru merasmikan bilik penyusuan di Kolej Universiti Selatan yang mewujudkan *Bilik Mama Friendly* bagi memenuhi keperluan kakitangan wanita di kampus tersebut. Selepas mendengar perkongsian pengalaman beberapa pensyarah wanita di majlis tersebut, adalah lebih ternyata bahawa bilik khas menyusu amat diperlukan supaya ibu bekerja dapat menyusu atau mengepam susu badan dengan tenang dan selesa tanpa gangguan.

Yang terhormat Tuan Speaker, menyentuh kepada kesedaran masyarakat, kerajaan negeri juga menerima *feedback*, dengan izinnya, daripada majikan-majikan syarikat swasta terutamanya daripada golongan lelaki dan mendapati bahawa mereka sebenarnya mereka masih kurang faham akan keperluan staf-staf wanita mereka yang sedang menyusukan anak. Oleh itu, majikan golongan lelaki belum lagi nampak keperluan staf wanita dari segi keperluan ibu menyusu. Justeru itu, kerajaan negeri melalui YPKDT akan mengadakan kempen bagi golongan lelaki yang merupakan majikan, bapa atau rakan kerja supaya dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran kepada mereka terhadap program ini. Dan, kerajaan negeri percaya bahawa dengan usaha ini kita dapat menyedarkan golongan lelaki, barulah kami dapat memperkasakan kaum wanita. Terima kasih.

YB Speaker : Skudai.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak kerajaan kerana telah melaksanakan program ini di mana penyusuan susu ibu ini menjadi satu *trend* dan semakin penting dan ianya ada menimbulkan kesulitan sekiranya kemudahan seperti ini tidak disediakan dengan secukupnya dan sebaiknya. Yang Berhormat Speaker, kita dapati bahawa sekarang ni masing-masing piawaian ataupun reka bentuk untuk kemudahan ini tidak, kita kata tidak setaraf, ada yang lebih selesa, ada yang lengkap, ada yang kurang, dia saja satu bilik dengan sebuah kerusi sahaja. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk menjadikan dasar ini satu mandatori ataupun satu dasar yang wajib yang perlu, di apa tu, diambil kira semasa dalam proses pelan bangunan ataupun dalam proses reka bentuk sesebuah premis? Jika ya, apakah usaha ataupun insentif yang akan diberikan ataupun program-program yang akan dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan terutamanya pihak swasta secara rela mematuhi penetapan ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Seperti yang soalan yang ditanya oleh Skudai, setakat ini, seperti yang saya sebut tadi, setakat ini bagi permulaan program ini baru kita laksanakan dan baru kita lancarkan, setakat ini MoU telah ditandatangani, di dalam MoU tersebut, kita telah menetapkan syarat-syarat *basic* di mana apa yang perlu disediakan atau dilengkapkan bagi *Bilik Mama Friendly* tersebut. So, ini untuk makluman semua, bilik tersebut merupakan satu bilik yang tertutup dan ada tempat duduk yang selesa dilengkapi dengan *plug* elektrik, tempat membasuh, kipas atau penghawa dingin, air panas dan peti sejuk bagi mereka untuk menyimpan susu badan. Ini adalah satu *basic* bagi mereka yang menyediakan bilik ini. Dan setakat ini, kami telah menandatangani dengan pihak PBT di mana perkara-perkara ini mereka dapat dilengkapi, tetapi adalah baik sekiranya kita dapat melaksanakan secara dasar dan insentif kepada mereka. Walau bagaimanapun, tindakan yang selanjutnya kita akan mengadakan perbincangan dengan pihak PBT supaya ini dapat dilaksanakan secara dasar. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat. Soalan saya nombor 3.

Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya mendapati ada pemaju perumahan yang menjual lot bumiputera kepada bukan bumiputera sebelum mendapatkan kelulusan pelepasan daripada kerajaan Negeri?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih kepada YB Stulang di atas soalan, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya mendapati ada pemaju perumahan yang menjual lot bumiputera kepada bukan bumiputera sebelum mendapatkan kelulusan pelepasan daripada kerajaan Negeri?

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya sekiranya untuk lot tersebut, tanpa kelulusan pelepasan daripada kerajaan kerana setiap lot bumiputera dia ada satu *endorsement*, dengan izin, di dalam geran tersebut dinyatakan lot tersebut adalah lot bumiputera termasuk juga penghuraian dalam sekatan kepentingan. Sekiranya, pihak pemaju cuba melakukan penipuan dengan mengemukakan borang pindah milik, katakan hak milik PTG, maka pihak PTG tidak akan memproses pindah milik tersebut kerana tanpa adanya surat kelulusan, pelepasan bumiputera daripada pihak kerajaan. Seharusnya perkara ini tidak berlaku dan kemungkinan apa yang dimaksudkan adalah sekiranya berlaku bila mana pembeli berjumpa dengan pihak pemaju, kemudian bertanya tentang lot-lot bumiputera, apa yang biasa laporan atau pun *feedback* kita dapati bahawa pihak pemaju akan mengatakan lot bumiputera telah habis dijual.

Suka saya mengingatkan di dalam Dewan yang mulia ini, sebenarnya maklumat terkini adalah berdasar kepada maklumat daripada SUKJ Bahagian Perumahan. Bukannya daripada pihak pemaju perumahan kerana bila mana lot bumiputera dirizabkan setelah kelulusan taburan bumiputera, hal ehwal tentang penjualan lot bumiputera ini adalah di dalam tanggungjawab SUKJ Perumahan. Oleh itu, ada baiknya semakan terkini dibuat dengan SUKJ Perumahan dan bukannya dengan pihak pemaju perumahan.

YB Speaker : Ada *online* sistem ke Yang Berhormat untuk disemak?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Ya.

YB Speaker : Ada *online* sistem untuk disemak?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Setakat ini Yang Berhormat Speaker, kita belum ada secara *online* untuk status bumiputera ini tetapi mungkin kita boleh pertimbangkan, tetapi yang mudahnya adalah dengan membuat semakan dengan SUKJ Perumahan sama ada melalui telefon ataupun hadir terus ke Pejabat SUKJ Perumahan. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Jemput Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Jadi, terima kasih dengan jawapan yang diberikan. Jadi, kadang-kadang apa yang berlaku adalah pembeli juga kadang-kadang tertipu dan terbeli lot-lot bumiputera. Jadi, adakah mereka boleh dibenarkan untuk membatalkan perjanjian tersebut, perjanjian jual beli dengan pemaju? Dan juga yang satu lagi adalah selepas proses taburan lot bumiputera diluluskan, adakah pemaju perumahan masih dibenarkan untuk membuat pelepasan *swapping* untuk lot-lot bumiputera? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Terima kasih kepada Stulang di atas soalan tambahan. Sebagaimana yang saya sebut diawal tadi bahawa tidak seharusnya pihak PTG sekiranya hak milik adalah hak milik PTG, meluluskan transaksi untuk lot bumiputera tanpa adanya kelulusan pelepasan lot bumiputera daripada pihak kerajaan.

Yang kedua, tentang soalan adakah dibenarkan lagi pertukaran dengan izin *swapping*, kepada lot-lot bumiputera setelah kelulusan taburan bumiputera dikeluarkan? Kes ini kebiasaannya berlaku Yang Berhormat Speaker, adalah bila mana kelulusan di peringkat SBKS, di peringkat hasil bumi telah di perolehi oleh pihak pemaju, kemudian barulah proses permohonan taburan bumiputera akan dilakukan dan mengikut piawaian ataupun *clutch charter* dengan izin, bagi jumlah projek perumahan yang kurang daripada 500 unit, taburan ini boleh diluluskan dalam masa 14 hari. Ataupun, bagi jumlah pemajuan taman perumahan yang melebihi daripada 1000 unit, proses kelulusan taburan bumiputera ini boleh diluluskan lebih daripada satu bulan. Tetapi, ada terdapat pemaju-pemaju perumahan yang tidak sabar, sebaik saja mendapat kelulusan SBKS di peringkat hasil bumi, mereka tidak sabar untuk menunggu dua minggu ataupun satu bulan disebutkan tadi dan mereka telah mula melakukan penjualan. SeHINGGAKAN ada telah menandatangani perjanjian jual beli, ada juga yang telah membayar bayaran 10% deposit dan seumpamanya.

So, dalam penambahbaikan Dasar Hartanah Bumiputera yang telah kita bentangkan dalam Mesyuarat MMK baru-baru ini bertarikh 27 Mac 2019, yang berkuat kuasa 1 April 2019, bahawa jika sekiranya didapati bahawa pihak pemaju melakukan penjualan lot bumiputera yang akhirnya lot itu termasuk lot bumiputera, isu dia begini, dia membuat jualan dengan andaian bahawa lot yang mereka jual itu sebelum taburan diluluskan, ianya akan kekal sebagai lot internasional (non bumi) tetapi bila mana keluar kelulusan, tiba-tiba lot yang mereka jangka tidak termasuk dalam kategori lot bumiputera yang telah mereka jual tadi, termasuk dalam senarai lot bumiputera. Dan apa yang berlaku, mereka akan membuat permohonan membuat *swapping*, dengan izin, pertukaran lot tersebut dengan lot-lot yang lain. Dan, dalam pekeliling ataupun proses penambahbaikan Dasar Hartanah Bumiputera yang baru, kita tidak boleh mempertimbangkan isu ini kerana kita mempunyai satu panduan ataupun kriteria yang dalam meluluskan lot-lot bumiputera itu. Terdapat kaedah pengiraan dengan panduan yang perlu diikuti. Maka, setiap lot yang ditentukan dalam kelulusan taburan bumiputera itu, mempunyai kriteria dia sendiri. Itu sebabnya, dalam proses yang baru ini, Dasar Hartanah Bumiputera yang berkuat kuasa 1 April, *swapping* ataupun pertukaran lot bumiputera ini tidak dibenarkan. Dan sekiranya berlaku, maka caj berjumlah

25% daripada harga lot bumiputera akan dikenakan kepada pihak pemaju yang melibatkan penjualan lot bumiputera sebelum kelulusan daripada taburan bumiputera. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Soalan seterusnya, jemput Buloh Kasap.

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip (Buloh Kasap) : Soalan nombor 4.

Minta kerajaan menyatakan jumlah pekerjaan baru yang telah wujud dan ditawarkan kerajaan negeri selepas setahun pentadbiran kerajaan negeri Pakatan Harapan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam harapan Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Buloh Kasap. Menjawab soalan yang dikemukakan minta kerajaan menyatakan jumlah pekerjaan baru yang telah wujud dan ditawarkan kerajaan negeri selepas setahun pentadbiran kerajaan negeri Pakatan Harapan.

Menjawab persoalan berkenaan, saya ingin jelaskan kepada Buloh Kasap dan dalam Dewan yang mulia ini, pembangunan ekonomi negeri Johor telah mengalami transformasi menuju ke arah yang lebih progresif dan lebih dinamik. Proses ini membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih positif yang disokong oleh pelbagai aktiviti ekonomi yang sentiasa bergerak aktif. Perkembangan projek-projek pembangunan seperti di RAPID Pengerang, Desaru Coast, Iskandar Global Business Service, pembinaan kompleks beli-belah mega antaranya Paradigm Mall, Mid Valley South Key, banyak menyumbang kepada kewujudan pekerjaan baru dalam negeri Johor. Mengikut data perkongsian daripada *Jobs Malaysia* dan SMI, jumlah kekosongan jawatan sehingga hari ini berjumlah 91,046 peluang pekerjaan dan daripada jumlah yang berkenaan, telah diisi dalam tempoh setahun, 17,200 telah diisi yang mana insya-Allah berdasarkan kepada perangkaan dan juga berdasarkan kepada kemampuan yang ada.

Seperti mana yang saya telah jawab dalam soalan sebelum daripada ini. Peluang pekerjaan yang terbaru semalam dalam satu program yang dianjurkan oleh *Jobs Malaysia* di UTC Pasir Gudang, melibatkan 41 majikan di mana kerjaya mengadakan pencari-pencari kerja baru ataupun nak dari kalangan yang belum dapat kerja, di mana 41 majikan telah membuka *booth* dan peluang pekerjaan pada hari semalam sahaja sebanyak 1,831 peluang. Di mana, yang berkecukupan bukan sahaja untuk pendaftaran tetapi juga terus di temu duga dan insya-Allah dalam masa yang terdekat akan ditawarkan pekerjaan berkenaan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Benut jemput.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Tuan, Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. 91,000 kekosongan yang perlu diisi dan 17,000 setakat ini telah pun diisi. Satu angka yang ataupun pengisian yang agak jauh beza. Jadi, berbalik kepada soal kewujudan untuk tawaran pekerjaan ini, di sebaliknya pula usaha kerajaan ataupun galakan daripada kerajaan kepada pihak-pihak swasta ini, sama ada dalam bentuk program, sama ada dalam bentuk pendekatan untuk skim latihan, bimbingan ataupun usaha untuk jawatan dalam bentuk kontrak dan kepelbagaian. Dari segi aspek itu, apakah komen Yang Berhormat berkenaan dengan usaha untuk menyediakan peluang pekerjaan?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Terima kasih kepada Benut atas persoalan yang dikemukakan, soalan tambahan. Alhamdulillah dalam jawapan sebelum daripada ini pun, saya telah menyatakan tentang

beberapa program yang dianjurkan oleh agensi-agensi di bawah kerajaan. Sebagai contohnya, Program *Up Skilling And Reskilling* di mana program-program ini telah dibuat dan telah menyasarkan kepada tidak kurang daripada 200 hingga 500 bagi satu agensi. Sebagai contohnya, *Johor Skill*, dia telah memberikan peluang kepada mahasiswa untuk *reskilling* dan juga *up skilling* kepada pekerja-pekerja ditawarkan tidak kurang daripada 500, itu program bagi satu agensi, *Johor Skill*.

Manakala, bagi SMI sendiri yang terbaru kita telah buat satu anugerah kepada agensi yang terlibat untuk memberikan kepada lepasan pelajar ataupun yang dah buat *up skilling* juga kita telah tawarkan sebanyak, seramai 105 orang dengan bajet keseluruhan lebih kurang RM135,000.00, baru saja kita lancarkan pada minggu lepas. Jadi, di sini menjelaskan kepada kita bahawa program-program seumpama ini kita tetap laksanakan dan kita mempunyai bajet sebenarnya untuk penambahbaikan atau pun *value added*, dengan izin, kepada pekerja-pekerja yang sedia untuk diberikan ataupun ingin membuat perubahan supaya mereka boleh tambah. Bila *up skilling*, secara tidak langsung dia akan *up* dia punya gaji, bila *reskilling* juga saya yakin dan percaya dia punya pendapatan akan bertambah, sebab dia telah menambahkan ilmu dan peluang itu terbuka kepada rakyat.

Kalau nak dilihat kepada jumlah 91,000 yang ada, bahagian pengurusan ada 137 orang, profesional 2,338 orang kekosongan, juruteknik dan profesional bersekutu ada 1,638. Jadi, ini peluang-peluang untuk yang *up skilling* ataupun *reskilling* di kalangan mahasiswa. Jadi, sebab itu kami yakin peluang ini seperti mana semalam dalam temu bual bersama-sama dengan pencari pekerja, saya dapati ramai di kalangan mahasiswa yang baru *graduate* telah berusaha datang daripada jauh, daripada Pontian, daripada Segamat, walau pun kita buka booth tadi di Pasir Gudang. Jadi, tahniah dan terima kasih kepada *Jobs Malaysia*, sekian terima kasih.

YB Speaker : Bersama-sama kita adalah beberapa kumpulan pelawat ya. Pertama, adalah pelawat daripada ketua-ketua kampung, ADUN Parit Yaani seramai 8 orang. Yang kedua, adalah ketua-ketua kampung DUN Bukit Batu seramai 10 orang. Yang ketiga, adalah peserta *Programme Johor Edscape*, Institut Integriti Kepimpinan & Latihan Semangat Dato' Onn ataupun IKLAS dari Institut Perguruan Temenggong Ibrahim seramai 42 orang. Terima kasih kerana hadir pada pagi ini. Soalan seterusnya, silakan Larkin.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan Larkin, soalan No. 5.

Apakah faktor kelebihan keupayaan Johor Special Water (JSW) bagi mengambil alih tugas-tugas penyelenggaraan loji rawatan kumbahan (STP) dari Pihak Berkuasa Tempatan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Larkin kerana membangkitkan soalan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Johor Special Water (JSW) merupakan syarikat milik penuh kerajaan negeri Johor dan diletakkan di bawah Permodalan Darul Takzim, PDT. Antara kelebihan JSW adalah sebagaimana berikut :

Pertama, Pelan Perniagaan Syarikat Pembetulan yang sedia ada tidak dapat memberi manfaat kepada kerajaan negeri Johor kerana segala pendapatan akan disalurkan kepada syarikat individu. Memandangkan JSW adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan negeri Johor, syarikat ini akan menjadi syarikat yang dapat memberi kepentingan 100% kepada kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, JSW telah melantik beberapa *key personnel* atau kakitangan utama yang berpengalaman lebih 30 tahun dalam industri pembetungan dan rawatan air kitar semula. JSW juga telah mengenal pasti beberapa *key personnel* juga yang mahir dalam operasi dan selenggaraan sistem pembetungan yang bersedia untuk menyertai JSW pada bila-bila masa diperlukan. Selain itu juga, JSW merupakan syarikat yang telah terlibat dalam membekalkan air mentah ke kawasan perindustrian Tanjong Langsat seawal tahun 2011. Kini, JSW juga ada dalam peringkat akhir persediaan bagi membekal air kepada pelabur untuk kegunaan industri di kawasan, beberapa kawasan perindustrian di Kulai, di mana melalui proses penyeragaman ataupun *declination*. Dalam masa yang sama, JSW juga telah mencapai persetujuan untuk membekalkan air industri kepada pelabur di kawasan Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC). Oleh yang demikian, JSW mempunyai kepakaran yang boleh digunakan untuk membekalkan air kumbahan terawat sebagai alternatif untuk kegunaan pelanggan industri, yang mana secara tidak langsung dapat meningkatkan bekalan simpanan air mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, JSW sebenarnya dapat juga membuka peluang pekerjaan disasarkan untuk peringkat awal anggaran 80 orang atau anak rakyat Johor akan mendapat manfaat daripada operasi JSW dan juga dapat memberikan lebih banyak peluang perniagaan kepada kontraktor-kontraktor di negeri Johor. JSW juga telah bekerjasama dengan beberapa konsultan berpengalaman dalam industri pembetungan untuk membantu JSW menyediakan latihan dan kemahiran mengikut standard terkini yang diamalkan di negara-negara maju dalam industri air ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, tumpuan JSW adalah hanya kepada industri kumbahan di kawasan Johor terutamanya di MBBB dan MPPG sahaja, buat sementara masa ini. Oleh yang demikian, segala usaha pembangunan adalah tertumpu kepada negeri Johor yang mana ianya berbeza dengan operator pembetungan yang sedia ada, yang perlu membahagikan usaha mereka kepada beberapa negeri. Setelah hampir 25 tahun, syarikat pembetungan yang sedia ada tidak pernah membawa sebarang program pembangunan dan permodalan berkaitan dengan pembetungan seperti kemudahan rawatan inap cemar, loji rawatan kumbahan, LRK berpusat moden dan sebagainya ke negeri Johor secara teliti. Ini jauh di beza dengan pembangunan yang telah dilakukan di negeri-negeri lain seperti Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor dan sebagainya. Akhirnya, JSW telah melantik syarikat kontraktor atau Pakar Perunding yang telah selesai melaksanakan kerja-kerja *due-diligence* (due-D) untuk tujuan membaik pulih atau pengoperasian LRK. Oleh itu, JSW mempunyai pengetahuan keadaan semasa LRK yang akan diambil alih agar usaha pembaikan serta pembetulan dapat dirangka dan seterusnya dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Larkin.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan YB EXCO. Kita sedia maklum hingga sekarang pihak JSW masih gagal untuk mendapatkan lesen, lesen penyelenggaraan loji kumbahan yang mana pihak kementerian masih tidak meluluskan lagi. Dan soalan saya, bagaimana dengan perjanjian yang telah termeterai dengan pihak Majlis Bandaraya, yang mana JSW patut mengambil alih tugas-tugas penyelenggaraan loji berkenaan pada 1 Julai 2019 dan sekiranya lesen tidak dapat diperolehi daripada pihak kementerian dan adakah perkara ini masih dibebani oleh pihak Majlis Bandaraya? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Untuk makluman Yang Berhormat Larkin, pihak JSW telah mengemukakan permohonan lesen kepada pihak SPAN pada bulan Mac tahun ini. Kami, pihak JSW juga akan buat bincangan dengan pihak PBT-PBT yang berkenaan untuk sama ada, untuk memanjangkan

atau dapatkan ELG, *extension of time* ataupun cara-cara lain benda-benda ini masih dalam proses perbincangan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Kempas.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) :Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya amat setuju dengan penerangan yang diberikan oleh EXCO Utiliti. Pertama, tentang kemampuan Johor Special Water anak syarikat kepada PDT, Perbadanan Darul Ta'zim memang mempunyai keupayaan semasa saya jadi Menteri Besar memang ini langkah-langkah yang perlu dibuat. Dengan kepakaran yang kita ada, saya rasa JSW yakin dapat melaksanakan tugas kalau diamanahkan. Ini salah satu daripada faktor di mana sebagaimana umum ketahui, sungai-sungai kita ini terutama Sungai Pandan dan juga Sungai Skudai adalah salah satu daripada sungai-sungai yang tercemar. Pada hari ini, dua PBT iaitu, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan juga Majlis Perbandaran Pasir Gudang, kerja-kerja memproses kumbahan ini tidak dilaksanakan oleh IWK, Indah water Konsortium. Jadi dikendalikan oleh pihak PBT yang ada ini. Dan sebahagian daripada kumbahan-kumbahan daripada taman-taman perumahan dan kilang-kilang ini disalurkan terus ke sungai-sungai. Itulah salah satu daripada faktor pencemaran sungai yang berlaku seperti contoh yang saya nyatakan semasa saya menjadi Menteri Besar. Saya melihat salah satu daripada untuk kita melestarikan sungai ini perlulah kita segerakan kumbahan berpusat ini yang dikendalikan oleh kerajaan. Kerana mungkin IWK setakat ini mempunyai masalah kewangan dan sebagainya. Jadi, saya lihat kalau kita berikan konsesi kepada dua PBT ini mungkin, dia pun tak mampu juga dan akhirnya perkara yang seperti itu akan berlarutan.

YB Speaker : Soalannya, Yang Berhormat, soalan?

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) :Saya perlu memberikan penerangan ini supaya dapat pandangan secara lebih terperinci, kalau tidak tergantung begitu sahaja, maka di kalangan rakyat tak faham. Macam kita ni, kerajaan terlampau gelojoh tak memberikan peluang kepada syarikat swasta di luar. Salah satu daripada faktornya ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh EXCO tadi, kita sudah bersedia dan sudah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh KAT, Kementerian Air dan Tanah. Tetapi oleh kerana mungkin ada pertindihan permohonan daripada satu syarikat lain, saya ingin sebutkan di sini iaitu SAJ juga memohon, jadi mungkin ada sesuatu perkara yang perlu diselesaikan. Jadi, saya meminta supaya EXCO yang berkenaan ini kena songsong dengan lebih rapat pada ketika saya, saya sudah pun songsong tetapi tidak ada jawapan sehingga hari ini. Ini perlu dilaksanakan. Jadi, saya, soalan saya, saya ingin bertanya di sini selepas peninggalan saya, semasa saya menyongsong perkara ini dengan lebih rapat lagi berapa kalikah EXCO kita ini berjumpa dengan Menteri yang berkenaan, sebab di peringkat BAKAJ semua sekali, kita tidak ada masalah. Kalau ini ditangguhkan lama, maka pencemaran sungai-sungai ini akan lebih berleluasa. Ini maksudnya, jadi bukan kita semata-mata untuk mendapatkan keuntungan untuk PDT, kalau PDT untung pun, wang itu balik kepada rakyat sebab dia dipunyai oleh 100% kerajaan. Jadi, saya minta supaya Yang Berhormat EXCO laksanakan tugas ini yang amat kritikal. Jadi, itu sahajalah terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO. Berapa kali menyongsong, *follow up* lah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Kempas yang telah memberi satu pencerahan yang cukup teliti. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kami sentiasa bukan saya sahaja malah pihak daripada BPEN dan juga dari pihak kerajaan, kami sentiasa ada membuat *follow up* bukan sahaja dengan kementerian malah juga dengan pihak agensi yang lebih relevan iaitu SPAN sebab sebenarnya sebarang lesen yang perlu dikeluarkan untuk pembetulan ini, untuk rawatan kumbahan ini perlu dapat daripada SPAN secara lebih halus. Untuk makluman juga Yang Berhormat ADUN Kempas, kerajaan negeri Johor memang kita sokong permohonan lesen oleh pihak JSW dan kami akan membuat segala

usahalah untuk mendapatkan memastikan permohonan ini diluluskan oleh pihak SPAN dalam masa yang terdekat. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Tangkak. Jemput.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan No. 6

Sejauh mana dasar untuk memoden dan meningkatkan produktiviti aktiviti pertanian serta memajukan industri asas tani telah berjaya dilaksanakan di Johor?

YB Speaker :Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam bahagia. Yang Berhormat Tuan Speaker, berhubung dengan apa yang diminta oleh sahabat kita daripada Tangkak, Yang Berhormat Tangkak berhubung dengan sejauh mana dasar untuk memoden dan meningkatkan aktiviti-aktiviti pertanian serta industri asas tani telah berjaya dilaksanakan di negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan terutama daripada Tangkak, Jabatan Pertanian Negeri Johor komited dalam memajukan sektor pertanian dan juga industri asas tani kita. Hasil galakan dan juga sokongan semua pihak, sama ada kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan telah menjadikan Johor antara pemain industri pertanian yang utama di negara kita. Kejayaan negeri Johor dalam bidang pertanian sangat memberangsangkan kerana negeri Johor adalah pengeluar buah-buahan nombor satu negara. Manakala, bagi sektor tanaman berada tangga kedua. Selain itu, pencapaian dalam bidang industri asas tani juga tidak kurang hebatnya. Kita mengeluarkan, mengadakan klon-klon baru melalui MARDI, begitu juga dengan laporan yang telah kita terima yang terbaru ini. Laporan daripada Agri Geo Portal Jabatan Pertanian Malaysia menunjukkan bahawa negeri Johor pada tahun 2018, telah melahirkan 1,800 orang usahawan yang berjaya dalam dengan jumlah pengeluaran tahunan sebanyak RM340 juta. Negeri Johor juga mencatatkan negeri yang paling tinggi hasil produk industri asas tani bagi tahun 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, kita kerajaan mengamalkan dasar pertanian mengikut Dasar Pertanian Negara. Sementara di peringkat negeri, kita mengikut dasar perundangan tempatan negeri yang berkuasalah, Pihak Berkuasa Tempatan. Apa pun kerajaan negeri mengamalkan mana-mana pihak Yang Berhormat Speaker, kalau ada usahawan-usahawan industri asas tani yang ingin memajukan ladang-ladang pertanian sama ada berskala kecil ataupun besar, boleh terus memajukan permohonan pada pihak kerajaan negeri. Kerana untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, sebuah syarikat di Pagoh umpamanya, dalam proses nak melahirkan satu proses dalam proses industri rempah ratus, syarikat ini terpaksa mengimport lebih kurang satu tahun 8,000 tan metrik halia dan kunyit. Jadi, saya melihat ini kalau ada usahawan-usahawan pertanian negeri Johor ataupun mana-mana pihak yang berminat untuk memajukan sektor pertanian, saya rasa dua bidang ini pun sudah boleh membantu negeri kita dan juga usahawan yang berkenaan. Jadi, kerajaan negeri mengamalkan satu dasar yang terbuka, mana-mana usahawan yang mahu mengadakan produk pertanian yang berskala besar atau kecil asal ianya mengikut Dasar Pertanian Negara dan tidak bercanggah dengan perundangan tanah dan sebagainya, insya-Allah kerajaan negeri akan dapat memberikan kerjasama yang baik dalam perkara ini. Sekian Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Ya, Tangkak dijemput, soalan tambahan.

YB Tuan Ei Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan. Ya, kita memang sedia maklum aktiviti pertanian atau pun industri pertanian asas di Johor memang berkembang dengan baik selama ini. Jadi, soalan

saya apakah bantuan yang akan diberi ataupun khidmat nasihat yang akan diberi oleh kerajaan negeri bagi usahawan tani yang ingin menceburi dalam bidang pertanian ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, dari segi bantuan usahawan tani ini, semua pemohon boleh memajukan terus permohonan kepada Pengarah Pertanian Negeri ataupun Pegawai Pertanian di peringkat daerah. Dan insya-Allah pemohon-pemohon ni juga boleh menyalurkan permohonan kepada saya terus, insya-Allah. Dari segi hasil daripada apa yang dijangkakan umpamanya pihak MARDI, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli Dewan, pihak MARDI melalui program penyelidikan dan pembangunan telah melancarkan dua klon baharu iaitu rambutan, Rambutan Mutiara Merah dan Rambutan Mutiara Wangi. Satu-satu klon baru iaitu belimbing, Belimbing Emas, Bintang Emas yang sangat bermutu, sesuai untuk pasaran eksport mahupun tempatan. Jadi kepada mana-mana petani yang mahukan klon-klon baru ini boleh terus datang kepada pihak MARDI ataupun boleh merujuk kepada saya insya-Allah, saya akan bantu 100%.

Selain dari tanaman, MARDI juga melancarkan baka baru lembu pedaging iaitu dengan izin, KK-Elit yang akan diperluaskan bersama dengan Berat Mas. Baka baru kambing juga akan dilancarkan pada 21 September 2019 di Kluang ni, Yang Berhormat Speaker dan untuk makluman Ahli Dewan sekalian, terima kasih.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang terhormat Speaker...

YB Speaker : Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Soalan tambahan saya, antara sumber kekayaan baru yang telah diiktiraf dan hasil daripada kajian yang telah dibuat ialah kelapa mataq dan juga nanas. Ini telah terbukti bila hasil kelapa mataq bagi setiap satu ekar boleh dapat RM1,800.00. Kalau kita integrasikan lagi, dengan tanaman kopi dan juga lembah, lebah kelulut. Ia boleh menghasilkan sebulan setiap ekar RM4,000.00. Ini sumber kekayaan baru dan kawasan di Johor ni kawasan yang berpotensi besar, antara kawasan yang berpotensi besar ialah di Johor Barat. Di Johor Barat ni, telah ditukar daripada dulu zon kelapa kepada kelapa sawit. Kelapa sawit kita tengok hari ini Yang Berhormat Tuan Speaker, harganya makin hari makin merundum dan bila Jokowi menang sebagai Presiden di Indonesia harapan kita makin samar kerana negara pengimport China yang paling besar banyak ambil kelapa sawit daripada Indonesia. Ini perlu dibuat kajian lah, kalau kita tak bendung daripada sekarang memberi kesan besar kepada negara dan pendapatan penduduk.

YB Speaker : Soalan dewan...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tapi persoalannya dah terbukti, hasilnya pun nampak yang buat kelapa mataq ni pun berjaya menghasilkan pendapatan RM60,000.00, RM70,000.00 setahun. Saya dah bangkitkan dalam Dewan ni berkali-kali, isu dia ialah Yang Berhormat Tuan Speaker ialah benih. Benih kelapa mataq yang sekarang ni di buat di Pusat Pengeluaran Kelapa di Pagoh cuma mampu mengeluarkan benih mataq setahun 50,000 biji. 50,000 benih lah, untuk 800 ekar bagi setahun. Johor ada duit, rizab kita pun banyak, kenapa tidak kita gunakan peluang ini dan terbukti ini sumber kekayaan baharu, Johor terlibat sama membantu kerajaan pusat buat benih ni keluarkan benih ni, supaya kita dapat sebarkan kepada kalangan petani. Ini akan membantu menambahkan pendapatan dan seterusnya boleh membantu petani yang menghadapi masalah pada hari ini. Jadi apa langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi kekurangan bekalan benih mataq pada masa kini Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Ahli Dewan daripada Rengit tadi. Untuk maklumat Yang Berhormat, Jabatan Pertanian dalam peringkat akhir untuk menyediakan satu kertas cadangan bagi menambah, kita sedar, memang diakui kekurangan benih ni dan saya tabiklah, terima kasih kerana ini salah satu sumber yang terbaharu di sektor pertanian. Dan Jabatan Pertanian mengakui sekarang ini menghadapi kekurangan benih ini dan kita ada satu pusat pertanian di Pagoh dan ini akan dikenal pasti oleh Jabatan Pertanian untuk meningkatkan lagi dan menambahkan lagi pengeluaran benih-benih kelapa, benih-benih mataq ini untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Pekan Nanas, jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, di negeri Johor ada tanah terbiar yang banyak iaitu nombor kedua terbesar di seluruh Semenanjung Malaysia selepas Pahang. Persoalannya adalah, apakah tindakan-tindakan Jabatan Pertanian untuk memastikan semua tanah terbiar ini tidak kira dia sama ada ia hak milik pihak kerajaan ataupun hak milik pihak swasta untuk dibangunkan supaya dapat mengoptimumkan produktiviti pertanian di negeri Johor. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB ECXO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan, saya baru sahaja merancang apa yang kita panggil Revolusi Hijau. Jadi bagi saya ruang sedikit, masa sedikit tentang pembangunan tanah-tanah terbiar di negeri Johor. Dan insya-Allah saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan apabila siap perancang sepenuhnya rancangan Revolusi Hijau iaitu bagi menggerakkan pembangunan tanah-tanah terbiar negeri Johor, saya akan maklumkan kepada semua Ahli Dewan. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) bagi pihak YB Pasir Raja : Yang Berhormat Speaker, soalan nombor 7.

Apakah status projek pembinaan jalan baru pintasan di antara Sekolah Menengah ke Sekolah Rendah FELDA Bukit Besar yang dinyatakan masih menunggu keputusan pihak ICU, JPM pada Sidang Dewan 12 Ogos 2018?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Assalamualaikum Yang Berhormat Tuan Speaker, buat masa ini projek tersebut dibatalkan. Pelaksanaannya selaras dengan ketetapan Kementerian Kewangan dalam surat bertarikh 26 Jun 2018, "sekiranya projek yang belum dikeluarkan SST (Surat Setuju Terima) perlu dibatalkan". Berdasarkan keadaan visual projek ini kami mendapati tidak menjadi keutamaan kerana terdapat laluan sedia ada dan masih boleh digunakan di samping keadaan trafik yang tidak mendesak, terima kasih.

YB Speaker : Ya Panti, jemput.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih jawapan Yang Berhormat EXCO. Cuma saya nak bertanya mengikut apa jawapan Yang Berhormat EXCO tadi projek ini dibatalkan berdasarkan surat pada Jun 2018, tapi menurut soalan yang telah dikemukakan oleh Pasir Raja, pernah ditanya tentang status projek ini dan jawapan yang diberikan adalah menunggu keputusan pihak ICU, JPM pada sidang Dewan 12 Ogos. Bagaimana perkara ini boleh berlaku maksudnya, keputusan dibuat

Jun 2018, pada Ogos 2018, jawapan yang diberikan tidak sama dengan apa yang diberikan pada hari ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Menurut maklumat yang saya ada ataupun pihak JKR ada, pembatalan adalah pada 26 Jun 2018. Yang penting di sini ialah, memang direkodkan di sini bahawa dibatalkan tetapi pihak kami boleh menimbangkan sekiranya ada rayuan berkenaan dengan projek berkenaan sekiranya mendesak tetapi daripada apa yang, penelitian yang dibuat oleh JKR memang tiada keperluan yang mendesak di kawasan berkenaan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Machap jemput.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 8.

Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi membantu pekebun kecil getah dan kelapa sawit yang terjejas ekoran harga komoditi yang rendah?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian. Terima kasih kepada soalan daripada Machap. Bagi membantu pekebun-pekebun kecil Yang Berhormat Dato' Speaker menghadapi masalah kejatuhan harga komoditi getah, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia dan juga Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah iaitu RISDA. Insentif Pengeluaran Getah ataupun dipanggil IPG merupakan suatu bantuan yang diberikan kerajaan sebanyak RM10.00 hingga RM1.45 sekilogram. Ke atas setiap kilogram *cup lump* yang dikeluarkan oleh pekebun kecil apabila purata bulanan harga getah gred SMR20FOB berada di paras RM5.50 sekilogram. Atau purata bulanan harga *cup lump* berada di paras RM2.20 sekilogram ke bawah. Bantuan ini bantuan ke atas *latex* turut diberikan pada kadar RM0.90 sekilogram iaitu 100% kandungan getah kering.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Dewan, dan melalui RISDA juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM200,000.00 untuk membina depoh-depoh jualan berkelompok getah pada tahun 2019. Melalui depoh jualan berkelompok ini, penjualan getah akan dilakukan secara tender, di mana harga yang terbaik akan dapat diberikan kepada pekebun kecil getah. Secara asasnya harga di depoh ini adalah lebih tinggi di antara RM0.20 ke RM0.50 sekilogram, malah kaedah jualan secara berkelompok pekebun kecil dianggarkan menerima pendapatan lebih sebanyak hampir RM100.00 sebulan berdasarkan purata pemilikan kebun seluas 1.7 hektar. Pada Disember 2018, pula RISDA telah membelanjakan sebanyak RM8.159 juta bagi membantu pekebun kecil getah di Johor menghadapi masalah musim tengkujuh. Bantuan bernilai RM600.00 ini telah memanfaatkan sejumlah 13,559 orang pekebun kecil getah di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, mengikut kenyataan daripada MPOB pula, bagi memperkukuhkan harga sawit, Kementerian Industri Utama telah pun melaksanakan beberapa langkah serta merta dan jangka panjang bagi meminimumkan impak kejatuhan harga terutamanya kepada pendapatan para pekebun kecil. Langkah serta merta lain yang telah dilaksanakan oleh pihak MPI bagi meningkatkan lagi penggunaan minyak sawit adalah melalui peningkatan adunan *bio* bahan api sawit dengan diesel, petroleum dari Program B7 kepada Program B10 di sektor pengangkutan bermula Disember 2018 lagi. Diikuti pelaksanaan mandatori mulai Februari 2019, kerajaan juga akan melaksanakan Program B7 di sektor industri bermula Julai 2019 secara mandatori.

Pelaksanaan Program B10 di sektor pengangkutan dan Program B7 di sektor industri dijangka melibatkan penggunaan minyak sawit serta bio diesel dianggarkan sejumlah 761,000 tan setahun. Ini akan menyumbang kepada pengurangan stok minyak tempatan seterusnya memperkukuh harga minyak sawit.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, harga sawit setakat ini, harga sawit terkini hingga 2 Julai 2019 ialah sebanyak RM1,877.50 per tan. Data kawasan penanaman sawit bagi negeri Johor pada Disember 2018 adalah seperti berikut Yang Berhormat Speaker; kawasan sawit matang berjumlah 680,562 hektar, kawasan sawit tidak matang berjumlah 67,000 hektar. Jumlah keseluruhan bagi negeri Johor ialah sejumlah 747,562 hektar. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Ya, Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada YB EXCO yang telah pun menjelaskan tentang usaha-usaha yang dilakukan bagi menstabilkan harga getah dan juga harga sawit. Yang kita lihat sekarang ini pekebun kecil getah dan sawit memang terkesan ya dengan harga komoditi tersebut yang masih berada pada tahap yang rendah tambahan pula dengan harga baja dan racun yang sentiasa meningkat. Dan juga ada saranan daripada menteri yang menyatakan kita boleh berusaha untuk meningkatkan harga getah dan sawit ini dengan menoreh pada musim tengkujuh, minum sesudu sawit setiap hari dan juga ada saranan untuk menanam buluh, menanam buluh yang boleh diselang-selikan dengan kebun getah ataupun sawit ni. Jadi, adakah pihak kerajaan negeri Johor menyambut saranan untuk menanam buluh ini dengan menyediakan khidmat nasihat ataupun sebagainya? Tadi pihak YB Rengit ada menyatakan bahawa penanaman kelapa matag dan juga nanas dapat membantu ke arah meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Dan juga saya ingin minta penjelasan berkaitan dengan pihak RISDA. Adakah pihak RISDA ini masih menggalakkan ataupun memberi peruntukan kepada pekebun kecil getah yang saya lihat ada sesetengahnya pokok getahnya itu sudah tua tetapi sukar untuk memohon bantuan daripada pihak RISDA untuk penanaman semula. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Terima kasih sahabat saya. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, bermula pada tahun 2019 ini, kerajaan telah memperkenalkan satu skim iaitu Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil ataupun TSPKS dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian (IPPKS) yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM550 juta. Jadi jika ada pekebun-pekebun kecil RISDA yang menghadapi masalah ini boleh merujuk terus kepada pihak RISDA untuk mendapatkan bantuan ini. Dari segi usaha-usaha untuk menambahkan hasil, untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan sahabat saya dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, bahawa satu persefahaman telah pun dicapai antara pihak RISDA dengan pihak Lembaga Nanas di bawah portfolio saya, mana-mana tanaman pekebun kecil di RISDA akan tanaman semula, akan kita integrasikan dengan tanaman nanas MD2 dan tanaman tambahan selingan tanaman lada hitam. Itu usaha-usaha untuk menambah hasil pendapatan pekebun-pekebun kecil RISDA Yang Berhormat Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Layang-Layang jemput.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih ayahanda Yang Berhormat EXCO, pantun dijual, pantun dibeli. Rusa betina berbelang kaki, bagai bunga kembang tak jadi, orang muda kita sayangi, orang tua kita hormati. (Dewan bertepuk). Adakah, soalan saya, adakah ini sambungan daripada soalan Machap, dan adakah kerajaan...

YB Speaker : Patutnya soalan dalam pantun Yang Berhormat.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Dia bersambung, berkait...

YB Speaker : Silakan.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Adakah kerajaan negeri bersetuju dengan cadangan daripada menteri dengan kempen satu sudu sawit setiap hari dimakan untuk menaikkan harga komoditi? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, kalau kita berfikir cara logiknya punlah minum sawit ni, minum minyak sawit, minum air kelapa sawit ke minyak sawit, tentulah mudarat pada badan. Mungkin ada, ada justifikasi lain yang dimaksudkan oleh menteri. Pada setakat ini, dalam apa juga mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan kita, kita belum ambil keputusan tentang soal ini. Terima kasih anakanda.

YB Speaker : Soalan seterusnya, saya jemput Tiram.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Speaker, Tuan Speaker, soalan nombor 9.

Sungai Kopok di Perigi Acheh DUN Tiram sentiasa berlaku pencemaran sungai, walaupun masalah ini lama wujud tetapi kini pencemaran semakin serius air sungainya bertukar warna hitam. Harap Jabatan yang berkenaan sila ambil tindakan.

YB Speaker : Ya jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Tiram yang mengemukakan soalan ini berkenaan dengan pencemaran Sungai Kopok di Perigi Acheh DUN Tiram. Untuk makluman Yang Berhormat Tiram dan juga Dewan yang mulia ini, Jabatan Alam Sekitar mengambil maklum perhatian isu pencemaran yang berlaku di Sungai Kopok, Perigi Acheh. Berdasarkan kepada rekod yang kita ada, sebanyak 8 aduan pencemaran Sungai Kopok telah diterima oleh jabatan ini sejak tahun 2018 dan aduan-aduan tersebut adalah berkaitan dengan perubahan warna air, air sungai berbau busuk dan berwarna hitam serta pernah berlakunya kejadian ikan mati.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hasil siasatan yang telah dijalankan oleh Unit Aduan, Jabatan Alam Sekitar Johor serta keputusan laporan analisis contoh air sungai yang telah diambil mendapati punca utama pencemaran di Sungai Kopok adalah pelepasan efluen industri yang mempunyai beban organik yang tinggi, terutamanya dari industri berasas minyak sawit seperti *Orient Chemical*, asal sabun bio diesel dan kilang berasas makanan. Walau bagaimanapun, semua kilang tersebut telah dilengkapi dengan loji pengolahan efluen namun masih terdapat segelintirnya yang cuai dalam mengawal pelepasan dari premis sehingga menyebabkan efluen dilepaskan tanpa diolah terlebih dahulu.

Untuk makluman Yang Berhormat Tiram, siasatan secara teliti ke atas semua punca yang disyaki melepaskan efluen terus dijalankan dan tindakan-tindakan penguatkuasaan seperti perintah penahanan operasi lengkapan, notis arahan, kompaun dan tindakan mahkamah akan diambil sekiranya berlaku pelanggaran di bawah mana-mana peraturan atau seksyen di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan bawahnya. Sekian, terima kasih.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Tuan Speaker...

YB Speaker : Ya Tiram.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Soalan tambahan, saya nak tahu Tiram mengenal pasti Sungai Kopok di sini dan juga saya nak tahu adakah klasifikasi sungai-sungai terdekat dengan kawasan DUN Tiram ini cemar ataupun tidak cemar? Adakah klasifikasi, *segregations*, dengan izinnya. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Untuk Yang Berhormat, makluman Yang Berhormat Tiram ini berkenaan dengan klasifikasi ini, kita ada stesen pemantauan yang dipasang di lokasi-lokasi yang tertentu untuk mendapat bacaan tahap pelepasan efluen di setiap, di sungai-sungai yang telah dikenal pasti. Untuk makluman Yang Berhormat Tiram, pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mendirikan 227 stesen sungai manual dan 4 stesen sungai automatik di Sungai Segamat, di Johor lah. Sungai Muar, Sungai Johor dan Sungai Skudai yang meliputi 21 lembangan sungai yang terdiri daripada 102 batang sungai di negeri Johor. Selain daripada itu, kita, untuk mengawal dengan lebih baik berkenaan hak pelepasan efluen ini, kita perlu ada tindakan yang bersepadu bukan sahaja daripada tindakan Jabatan Alam Sekitar tetapi juga daripada pihak BAKAJ dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan untuk kita apa ni, terus memantau kualiti air sungai di negeri Johor supaya tidak tercemar.

YB Speaker : Ya Senggarang.

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih atas jawapan daripada EXCO. Soalan tambahan, Yang Berhormat EXCO telah menjawab bahawa Jabatan Alam Sekitar telah mengenal pasti antara sebab punca utama adalah disebabkan oleh kilang sawit. Soalan saya, apakah tindakan yang telah dikenakan kepada kilang sawit yang menyebabkan pencemaran Sungai Kopok di Perigi Acheh DUN Tiram tersebut, adakah telah ditutup ke atau di kompaun, itu saya nak tanya.

YB Speaker : Jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Seperti yang saya terangkan tadi bahawa kita telah ada menerima aduan pencemaran dan sekiranya ada apa-apa, apa ni, selepas kita menjalankan siasatan dan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, sebarang kesalahan akan di, atau pelanggaran di bawah mana-mana peraturan seksyen di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling dan juga peraturan-peraturan di bawahnya kita akan ambil tindakan penguatkuasaan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, jemput Penawar.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya nombor 10.

Berapa banyak lawatan kerja luar negara yang telah dilakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri dan kosnya dari tahun Mei 2018 hingga kini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat dari Penawar. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang

Berhormat dari Penawar telah menanyakan soalan berapakah banyak lawatan luar negara yang telah dilakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri dan kosnya dari tahun Mei 2018 sehingga kini?

Suka saya, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri melalui Pusat Pelaburan Negeri Johor atau JSIC telah mengadakan misi galakan perdagangan dan pelaburan atau kita panggil *trade mission* ke luar negara yang diketuai oleh EXCO Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri Johor bagi menarik pelaburan dari luar negara sama ada dengan cara bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mahupun misi galakan pelaburan negeri sendiri. Melalui *trade mission-trade mission* ini, pihak kerajaan negeri telah dapat menyalur serta menyampaikan maklumat dan mempromosikan negeri Johor kepada pelabur asing mengenai potensi pelaburan di negeri Johor sama ada melalui seminar pelaburan, mesyuarat dan juga *business matching*. JSIC juga memainkan peranan untuk membina jaringan hubungan atau *networking* promosi pelaburan menerusi pejabat MIDA di luar negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara umumnya sebanyak 11 lawatan kerja rasmi atau program ke luar negara telah dilakukan dalam tempoh setahun dari Mei 2018 sehingga kini, Jun 2019. Disebabkan Yang Berhormat Penawar telah pernah sebut dalam Dewan ini, dia suka yang panjang, maka saya punlah berikan senarai panjang ni kepada beliau.

1. Misi galakan *trade mission* ke Singapura pada 27 Ogos 2018.
2. *Trade mission* ke Xiamen, China untuk menghadiri EXPO Seafeed, 8 hingga 11 September 2018.
3. *Trade mission* bersama dengan MITI dan MIDA ke Tokyo, Osaka, Jepun dan seterusnya Seoul, Korea Selatan, 14 hingga 20 Oktober 2018.
4. *Trade mission* dan pelaburan ke Jakarta, pada 23 hingga 26 Oktober 2018.
5. *Trade mission* bersama MITI dan MIDA ke Perancis yang terlibat tempatnya adalah Lyon, Toulouse, Paris dan Lille pada bulan November 2018.
6. *Trade mission* ke United Emirate dan Dubai, 16 hingga 20 Februari 2019.
7. *Trade mission* ke Indonesia, pada 14 hingga 17 Mac 2019.
8. *Trade mission* ke China termasuk Guangzhou, Shanghai, Suzhou, Luan, Huanggang dan Wuhan daripada 26 Mac hingga 2 April 2019.
9. *Trade mission* ke Tianjian, Beijing, China pada 16 April hingga 19 April 2019.
10. *Trade mission* lagi ke China yang merangkumi Guangzhou, Huizhou, Shenzen, 27 Mei hingga 2 Jun 2019.
11. *Trade mission* ke Tokyo, Osaka dan Soeul sekali lagi bersama dengan I2M dan juga Khazanah, 16 hingga 22 Jun 2019.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kami telah membuat rancangan dan akan membuat satu lagi *trade mission* ke San Francisco dan Silicon Valley pada masa yang terdekat ini. Secara rumusannya, jumlah yang telah terlibat dan kos adalah RM868,352.00. Melalui misi-misi *trade mission* yang disertakan di atas, kerajaan negeri telah menerima maklum balas yang positif dari pakar-pakar pelabur tersebut dan akan membuat tindakan songsongan bagi setiap perbincangan yang telah diadakan sepanjang misi-misi ini diadakan.

YB Speaker : RM868,000.00 tak sampai RM1 juta tapi perolehannya RM24 bilion ya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Betul Tuan Speaker.

YB Speaker : Jemput Penawar.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat EXCO, bahaya lelaki suka yang panjang ni Tuan Speaker. Adakah ini juga jenis suka punggung?

YB Speaker : Tak berkait Yang Berhormat ini soalan. Yang Berhormat berminat ke untuk *treatment trip* ke mana-mana? Boleh jemput EXCO.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Sebab itu kena kacau dulu baru dia nak lawan. Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan saya apakah hasil yang diperolehi kerajaan daripada lawatan tersebut? Dan saya nak maklumkan bahawa hari ini pengerusi media itu datangnya daripada anak jati Johor orang Kluang. Maknanya, kerajaan negeri juga boleh menggunakan bagaimana cara untuk mendapat pelaburan yang lebih baik. Itu soalan saya dan saya cuba nak ingatkan jangan sampai yang dikejar tak dapat yang ditinggalkan keciciran.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Saya nak balas pertama soalan, bukan soalan, kenyataan daripada Penawar. Saya tak pernah kata saya suka yang panjang. Dia yang kata dia suka panjang, saya suka yang besar.

YB Speaker : Cukup-cukuplah kita berbahas pasal panjang dan pendek ini. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Yang besar hati ya. Tak apa, untuk makluman Yang Berhormat Penawar seperti yang saya telah bentangkan tadi, untuk tahun 2018, kita sudah dapat jumlah pelaburan FDI hampir RM24 bilion. Untuk maklumat, kalaulah saya nak perhaluskan lagi, sebenarnya dari 1 Januari hingga 30 Jun 2018, jumlah pelaburan di Johor hanya RM1.7 bilion sahaja. Yang lain itu sebenarnya selepas kita menang pilihan raya yang dia melonjak hampir sampai RM24 bilion. (Dewan bertepuk). Saya bukan nak ambil kredit, saya nak jujur. Saya faham, kerajaan dulu juga ada usaha, tetapi saya hanya nak tegaskan di sini, kemenangan ini tentu akan memberi satu impak bahawa kepada pelabur-pelabur bahawa mereka lebih yakin dengan kerajaan PH dengan *institusi reform* yang kami telah buat, itulah kenapa pelabur-pelabur terus komited untuk melabur di Johor selepas kemenangan kita. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Soalan seterusnya, saya persilakan Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan 11.

Senaraikan nama pihak pemaju yang gagal menyiapkan projek rumah mampu biayai, lokasi, bilangan rumah mampu biayai terlibat, jumlah denda dan tindakan diambil pihak kerajaan pada tahun 2013, 2014, 2015, 2016, 2017, 2018 dan 2019 secara berasingan mengikut daerah.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Pekan Nanas di atas soalan. Senaraikan nama pihak pemaju yang gagal menyiapkan projek rumah mampu biayai, lokasi, bilangan rumah mampu biayai yang terlibat, jumlah denda dan tindakan diambil pihak kerajaan pada tahun 2013 sehinggalah 2019 secara berasingan mengikut daerah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, senarai pemaju dikenakan bayaran caj penalti bagi Rumah Mampu Biaya Johor daripada 2016 hingga 2018 mencakupi beberapa perbezaan denda. Sebelum ini pernah dikenakan denda berdasar kepada MR20,000.00 seunit. Ada juga dikenakan kepada 40 dan juga 60 jika mengikut polisi yang telah kita luluskan pada tahun lepas. Kita telah pun meminda RM40,000.00 se unit caj penalti bagi pembayaran secara *lump sum*, dengan izin, atau RM60,000.00 seunit bagi pembayaran secara ansuran selama dua tahun dalam empat kali ansuran. Keseluruhan bilangan pemaju perumahan yang terlibat, yang telah dikenakan denda daripada 2016 sehingga 2018 adalah seperti berikut: Daerah Johor Bahru terdapat 41, Kulai, 13; Kluang, 6; Batu Pahat, 7; Muar, 4; Segamat, 8; Tangkak, 2; Kota Tinggi, 5 dan Pontian 2. Saya tak pasti sama ada saya nak sebut satu persatu ataupun saya beri jawapan secara bertulis.

YB Speaker : Bertulislah kalau banyak, bertulis Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Secara bertulis. Jadi, itu sahaja Yang Berhormat Speaker. Iaitu keseluruhannya adalah daripada 2016 sehingga 2018, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Ya, Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, apakah kegunaan denda-denda tersebut digunakan? Adakah dia akan digunakan untuk pembinaan Rumah Mampu Milik pada masa yang akan datang? Dan adakah dia pernah digunakan pada masa-masa yang lepas? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Terima kasih di atas soalan tambahan daripada Pekan Nanas. Kesemua denda ini dimasukkan dalam satu tabung khas yang dikenali sebagai Tabung Pelepasan Lot Bumiputera di mana semasa saya mengambil jawatan EXCO Perumahan bulan Jun tahun lepas, walau pun dalam baki akaunnya positif tetapi setelah diambil kira komitmen kepada beberapa pembayaran dan juga tanggungan, bakinya adalah negatif, tak silap saya RM35 juta. Dan, Alhamdulillah yang terakhir ini setelah kita mengumpulkan denda terbaru dan jumlah dia telah kembali positif lebih kurang dalam RM33 juta. Dan memang disebut secara jelas di mana, bila mana tabung ini diwujudkan oleh kerajaan negeri, kegunaan wang ini adalah untuk pembinaan Rumah Mampu Biaya dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Termasuklah penyelenggaraan yang kita lakukan dan juga bayaran-bayaran yang berkaitan dengan Rumah Mampu Milik Negeri Johor akan digunakan wang tersebut. Dan satu lagi dia ada wang denda kita kata, sekejap Yang Berhormat Speaker ya. Ok, caj penggantian, minta maaf, saya keliru tadi. Untuk caj penggantian ini, 40 ke 60,000 ini bukan di bawah Tabung Pelepasan Lot Bumiputera, minta maaf saya, dia termasuk dalam Tabung Utiliti dan juga Pembangunan Struktur Kediaman. Di mana tabung ini, sekarang ini, tidak di bawah SUKJ Perumahan, ianya dimasukkan di bawah akaun yang disatukan di bawah kerajaan negeri. Yang akaun di bawah perumahan adalah akaun pelepasan lot bumiputera yang dikenakan caj penggantian sebanyak 7.5% tersebut. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Ya Tiram.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Apakah sebab-sebab selalunya gagal dalam menyiapkan projek ini dan juga adakah ini gagal memilih mereka menawarkan kontrak tersebut? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Yang Berhormat Speaker, kebiasaan kegagalan ini adalah disebabkan beberapa faktor dan sebagaimana yang pernah saya sebut dalam ucapan saya sebelum daripada ini, daripada laporan *task force* Perumahan Johor, terdapat lebih daripada 100,000.00 unit Rumah Mampu Biaya Negeri Johor yang sepatutnya dibina oleh pihak pemaju perumahan tetapi tidak dibina. Dan di antaranya adalah disebabkan oleh kelemahan kepada Dasar Perumahan Rakyat Johor itu sendiri yang mana kita telah pun membuat proses penambahbaikan dan berkuat kuasa pada 1 April 2019 yang lalu. Dan, termasuk juga salah satu contoh yang saya boleh bawa dalam persidangan pada pagi ini, iaitu berlakunya proses pindaan kepada kebenaran merancang di peringkat PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Katakan kelulusan KM yang awal adalah pada tahun 2010, kemudian pemaju tidak membuat projek perumahan sehinggalah 2019 dan semasa 2019 keadaan ekonomi telah berubah, komponen kepada pembangunan yang diluluskan oleh KM pada tahun 2010 telah berubah disebabkan perubahan masa, apa yang dilakukan oleh projek perumahan, dia mengemukakan pelan yang baru, sesuai dengan permintaan dan penawaran dalam pasaran dan biasanya apa akan berlaku berlakunya pengurangan jumlah Rumah Mampu Biaya tersebut dan inilah menyebabkan denda yang saya sebut tadi 40 dan 60,000 itu perlu dikenakan bagi kita gunakan wang tersebut untuk membina Rumah Mampu Biaya di projek-projek yang lain. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Jam hampir pukul 11.00. Saya kira saya tamatkan soalan lisan ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

JURUTULIS : Soalan Bertulis. Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung sekarang. Saya jemput Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia untuk penggulangan. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Pertama, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya berucap dalam sesi penggulangan pada pagi ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Pada masa yang sama, saya juga turut merafak sembah mengucapkan tahniah Sempena Hari Keputeraan Duli Yang Amat Mulia Tuanku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tuanku Mahkota Johor, sempena hari keputeraan beliau pada 30 Jun yang lalu. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada kesemua Yang Berhormat, sama ada sebelah sini atau sebelah sana yang telah terlibat dalam perbahasan menjunjung kasih titah Diraja khususnya berkaitan dengan Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil, merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Bukit Kepong di atas lantikan sebagai Yang Berhormat Menteri Besar sebagai Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang ke-17 baru-baru ini. Saya berdoa semoga negeri Johor yang kita sayang ini akan terus makmur dan sejahtera di bawah kepimpinan beliau. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Kempas, mantan Yang Amat Berhormat Menteri Johor di atas khidmat dan

sumbangan beliau kepada negeri rakyat Johor sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Menteri Besar Johor yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyatakan setiap pemimpin yang telah dilantik mempunyai tanggungjawab yang perlu, yang besar dalam memikul amanah rakyat dan juga negeri Johor serta perlu menjalankan tugas secara jujur dan ikhlas dan sentiasa mendahului rakyat dan negeri. Mengingatkan saya kepada maksud hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan ke atas kepimpinan kamu. Rasulullah SAW juga mengingatkan kita sebagai pemimpin dengan satu amaran yang tegas melalui maksud hadis Baginda, barang siapa yang diberi beban oleh Allah untuk memimpin rakyatnya, lalu ia mati dalam keadaan menipu rakyatnya, nescaya Allah SWT mengharamkan syurga ke atasnya. (Hadis Riwayat Muslim status hadis sahih). Sebaiknya kita berdoa agar kita semua yang berada dalam Dewan yang mulia sebagai pemimpin, mendapat kelebihan naungan Allah SWT dan insya-Allah memasuki syurganya melalui pintu yang disebut dalam maksud hadis berikut, mafhumnya ada 7 kelompok, orang yang dinaungi oleh Allah pada hari tiada naungan selain naungannya iaitu pemimpin yang adil, imam mul adil.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di sepanjang empat hari perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini, banyak teguran, kritikan, saranan dan tidak kurang juga kecaman yang diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana mahu pun di sebelah sini. Kerajaan Pakatan Harapan Johor mengamalkan pintu terbuka dan kebebasan bersuara tanpa sebarang teguran dan juga kritikan terutama dalam kita meningkatkan mutu perkhidmatan dan kualiti kepada rakyat. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tidak akan bertoleransi dan bertolak ansur kepada lontaran fitnah terutama yang bermotifkan untuk memburukkan imej kerajaan negeri atau menanam sifat kebencian rakyat kepada kerajaan Pakatan Harapan Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang saya lihat rakan-rakan Yang Berhormat sebelah sana sukar untuk memberikan *notation* ataupun memperakui beberapa kejayaan yang telah dikecapi, dicipta oleh kerajaan Pakatan Harapan Johor. Saya teringat satu kisah, mungkin Yang Berhormat Speaker boleh ingat, kisah seorang ayah dengan anak dengan seekor keldai. Di mana, bila mana, kedua-dua ayah dan anak ini mengheret ataupun keldai itu tanpa menunggangnya maka orang ramai akan menyatakan tidak cerdik ayah dan anak tersebut kerana ada keldai, kenderaan tidak dimanfaatkan. Bila mana kedua-dua anak dan ayah ini naik di atas keldai tersebut, masyarakat pun berbicara bahawa zalim ayah dan anak itu kerana mereka menunggangi keldai itu secara bersama dan ia membebankan. Dan juga berlakulah sebalik juga, bila ayah naik keldai, anak menarik, dia kata zalim ayah ini kerana anak dia yang kecil menarik sedangkan ayah dia menunggang keldai tersebut. Dan bila anaknya naik keldai, ayah dia menarik pula, rakyat pun berkata bahawa anak ini tidak mengenang jasa ayah dia. Ayah dia membesarkan, dia pula duduk di atas keldai, ayah dia pula menarik. Jadi, saya harap rakan-rakan di sana tidak menjadi sebagaimana yang saya sebut dalam kisah tersebut, dua, ayah dan anak bersama keldai tersebut.

Di antara kejayaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Batu sebentar tadi, bahawa FDI yang diterima oleh kerajaan negeri Johor jauh lebih tinggi daripada 2017 yang telah saya sebutkan iaitu RM24 bilion berbanding dengan RM5.1 bilion. Yang Berhormat Tuan Speaker, di sepanjang 4 hari perbahasan juga banyak ungkapan istilah, dengan izin, *jogen* yang menarik dilafazkan oleh sama ada YB di sebelah sana dan juga di sini. Antara ungkapan yang saya tertarik ialah, 'ungkapan sudah-sudahlah berpolitik, buatlah kerja'. Tetapi yang ironinya, sebelah sana bila bangkitkan satu-satu perkara lakukan juga secara berpolitik. Perbidalan Melayu menyatakan, 'seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul'. YB Penawar contohnya, ada membuat kenyataan pada perbahasan pada Rabu yang lepas, mengatakan bahawa kerajaan BN kenakan premium tanah bagi Perumahan Generasi Kedua, sebanyak RM0.40 sen kaki persegi sedangkan kerajaan Pakatan Harapan naikkan bayaran tersebut kepada RM1.00 sekaki persegi. Iaitu, kenaikan sebanyak 150%. Bahkan

Yang Berhormat Penawar menyatakan, kerajaan sebenarnya tidak mempunyai alasan untuk menaikkan bayaran premium itu secara mendadak. Ini adalah salah satu contoh kenyataan berpolitik yang mempunyai niat yang tidak baik terutama bagi menggambarkan kerajaan negeri ini zalim, Pakatan Harapan tidak baik, BN atau sekarang lebih mesra PASNO lebih baik sedangkan hakikatnya tidak begitu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan mengenakan bayaran premium tanah bukan ikut suka hati tetapi berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Tanah Johor atau ringkasnya JPU 94 yang berkuasa pada tahun 2004, di mana premium bagi tapak rumah adalah berdasarkan kepada kiraan sama ada 15% ataupun 30% daripada nilai pasaran semasa. Dengan izin, *market value* yang biasanya ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, ringkasnya JPPH sama ada untuk tempoh pajakan 60 tahun ataupun 90 tahun. Berdasarkan semakan awal pihak PTG, tiada premium atau kurniaan tanah bagi tapak rumah termasuk dalam Generasi Kedua FELDA di tetapkan pada RM0.40 sekaki persegi. Seandainya ada pun, premium dikenakan pada kadar RM0.40 tu ianya adalah secara kebetulan sama dengan panduan kiraan 15% ataupun 30% daripada nilai pasaran semasa yang saya sebutkan tadi. *Key word* ataupun kata kuncinya ialah nilai pasaran. Berlainan tarikh sesuatu tanah akan memberikan nilai pasaran semasa yang berbeza.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Pekan Nenas ada menyentuh tentang peningkatan hartanah kediaman tidak terjual, dengan izin, *overhang resident properties* dan juga meningkatnya harga rumah di negeri Johor. Yang Berhormat Pekan nenas juga melahirkan keprihatinan tentang *mismatch*, dengan izin, antara permintaan dan penawaran. Suka saya menyatakan bahawa Dasar Perumahan Rakyat Johor, DPRJ hanya menetapkan kuota 40% Rumah Mampu Biaya daripada jumlah keseluruhan unit-unit yang akan dibina di sesebuah taman perumahan yang melebihi daripada 5 ekar. Ini bermakna, 60% lagi komponen kita akan berikan kebebasan kepada pemaju perumahan di atas budi bicara untuk menentukan jenis dan harganya khususnya untuk mereka menjana pendapatan semaksimum mungkin daripada pelaburan projek mereka. Dengan kata lain, kerajaan negeri hanya boleh memberikan pandangan melalui permohonan KM, Kebenaran Merancang di peringkat PBT, Pihak Berkuasa Tempatan, malahan di mana kita meminta pihak pemaju perumahan menghantar ataupun menyerahkan laporan *market study*, dengan izin ataupun *feasibility study*.

Walau bagaimanapun, bagi pemaju yang peka dengan sentimen pasaran iaitu permintaan dan penawaran maka mereka hanya akan membina jenis-jenis pembangunan yang mempunyai permintaan dan penawaran di pasaran. YB pekan Nenas juga bertanya tentang keberkesanan dasar yang membenarkan pihak pemaju perumahan membayar caj penggantian sebanyak RM40,000.00 atau RM60,000.00. Sebenarnya caj penggantian hanya dibenarkan dalam dua keadaan.

Pertama, di peringkat permohonan kebenaran Merancang sekiranya jumlah Rumah Mampu Biaya tidak mendapat, tidak dapat dipenuhi oleh sebab faktor kekangan semula jadi hartanah atau proses pengambilan balik tanah yang berlaku di atas, sebahagian daripada hartanah yang akan dibangunkan.

Yang kedua, di peringkat pindaan KM, ekoran daripada perubahan sentimen pasaran bagi suatu jenis hartanah. Caj penggantian ini digunakan bagi membina Rumah Mampu Biaya di tempat yang lain sebagaimana saya sebut sebelum daripada ini.

Saranan Yang Berhormat Pekan Nenas untuk kerajaan menyediakan tanah kerajaan untuk tujuan pembinaan Rumah Mampu Biaya Johor, sebenarnya memang telah dan sedang dilaksanakan. Kerajaan negeri menyediakan dana lebih kurang RM100 juta setahun bagi tujuan mendapatkan tapak perumahan Rumah Mampu Biaya yang bersesuaian di setiap daerah di negeri Johor. Sama ada melalui rundingan jual beli ataupun dengan menggunakan Akta Pengambilan Balik Tanah 1960. Biasanya tanah-tanah ini diletakkan di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan atau ringkasnya SSI. Dana ini diperolehi daripada

Tabung Amanah Bumiputera serta Tabung Amanah Infrastruktur Sosial yang diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan. Tanah-tanah ini kemudiannya akan dimajukan dengan pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan ataupun *state* GLC seperti KPRJ dan juga PIJ atau dimajukan secara usaha sama dengan kerajaan persekutuan atau dengan usaha sama daripada pemaju perumahan swasta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Tenggaroh dalam ucapannya menyatakan antara pencapaian kerajaan negeri selama setahun adalah menghapuskan kuota menegak kerajaan ataupun ringkasnya, KMK. Pujian atau *notation* ini ikhlas ataupun tidak, saya tidak pasti tetapi paling tidaknya YB Tenggaroh mengakui penghapusan kuota KMK ini adalah salah satu daripada kejayaan kerajaan Pakatan Harapan Johor dalam memastikan Rumah Mampu Biaya Johor yang dibina secara bersubsidi sampai kepada kumpulan sasarannya.

YB Tenggaroh ada bertanya tentang setahun yang lalu, berapa banyak Rumah Mampu Biaya Johor yang telah dibahagikan mengikut daerah, taman dan juga kaum, iaitu Melayu, Cina dan India? Kerajaan juga telah memperkenalkan satu sistem baru bagi menggantikan sistem agihan yang lama saya sebutkan yang telah kita laksanakan pada 1 Ogos 2018 iaitu tahun lepas dan sistem ini dikenali sebagai Sistem Rumah Mampu Biaya Johor atau ringkaskan, SP2MJ. Penambahbaikan tersebut juga meliputi tatacara keadaan penawaran syarat-syarat kelayakan pemohon, senarai pengesahan dokumen dan juga kaedah hebahan. Semenjak diperkenalkan, 27 kelulusan telah diberikan yang melibatkan 3,599 unit Rumah Mampu Biaya Johor. Secara keseluruhan, pembahagian mengikut kuota adalah seperti berikut; iaitu kaum Melayu, 1,874; kaum Cina, 713; kaum India, 288; kuota prihatin rakyat, 408; kuota belia, 168 dan kuota orang kurang upaya, OKU 168. Jadual di bawah menunjukkan pembahagian kuota mengikut daerah-daerah dengan kelulusan sebagaimana yang diperlukan oleh YB Tenggaroh dan insya-Allah pecahan mengikut daerah ini saya akan kemukakan secara jawapan bertulis.

Kuota-kuota yang sebutkan tadi adalah berdasarkan kepada pecahan berikut; kuota awam mewakili 80% daripada keseluruhan unit yang ditawarkan di mana pecahan untuk Melayu adalah 65%; Cina, 25%; India, 10%; kuota belia adalah 5%; kuota OKU 5% manakala kuota prihatin rakyat adalah 10%.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Endau bertanya tentang status Londang Batu. Projek perumahan Londang Batu yang dibina di atas Lot PTD 6121 Mukim Endau seluas 9.38 ekar adalah merupakan cadangan penempatan semula penduduk-penduduk yang sering terlibat dengan kawasan banjir iaitu di Jalan Bulang, Jalan Dato' Mohd Ali, Tanjong Merit dan Kampung Sungai Padang. Projek ini di bawah kelolaan UPEN ataupun sekarang ini, BPEN. Projek ini dijalankan oleh Johor Land dan telah dimulakan pada tahun 2016. Komponen pembangunan ini meliputi 156 unit, Jenis A, 16 x 60, 134 unit. Jenis B, 16 kaki x 60 sebanyak 22 unit. Di mana kerja siap fizikal telah berlaku pada 31 Julai 2018 dan Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan atau ringkas CCC telah dikeluarkan pada 11 Mac 2019. Dan serah pemilikan kosong kepada BPEN telah dibuat pada 4 April 2019. Maknanya projek ini telah siap sepenuhnya dan CCC telah dikeluarkan. Dan status pembangunan ini sekarang ini adalah di peringkat terakhir pengagihan berdasarkan kepada calon-calon yang berkeelayakan sebagaimana pengesahan pemutihan oleh Pejabat Daerah Mersing, khususnya 88 penerima ini adalah daripada penduduk yang terlibat dengan kawasan banjir yang majoriti mereka adalah merupakan para nelayan. Pecahannya adalah 10 unit adalah rumah asnaf di bawah Majlis Agama Islam Johor, 88 unit penempatan semula nelayan ataupun saya sebutkan tadi kawasan yang dinaiki banjir dan 58 unit pula akan ditawarkan kepada awam di bawah kelolaan SUKJ Bahagian Perumahan. Unit ini akan diserahkan kepada BPEN dan Pegawai Daerah Mersing di peringkat pemutihan senarai 88 nelayan saya sebutkan tadi, akan dimasukkan di bawah Skim Sewa Beli ataupun dikenali sebagai Jauhar Prihatin yang akan menyediakan Jauhar Prihatin di bawah KPRJ, BPEN akan menyediakan kertas kerja untuk kelulusan Mesyuarat MMK dalam masa yang terdekat.

Jadi, insya-Allah YB Endau, jangan risau, pengagihan kepada 150 unit ini akan dilakukan pada tahun ini juga, insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Panti bertanya status Bandar Petri Jaya. Suka saya menyebut tentang kronologi perumahan Bandar Petri Jaya ini. Pertama, Bandar Petri Jaya merupakan bandar baharu yang telah dibangunkan oleh KEJORA pada tahun 1982. Fasa 1 telah dibangunkan sebanyak 218 unit rumah kos rendah dan telah siap pada tahun 1982. Di mana pembangunan perumahan ini meliputi kelengkapan infrastruktur serta *amenity social*, dengan izin. Dengan adanya permintaan daripada penduduk setempat terutama Generasi Kedua KEJORA, mengambil pendekatan untuk membangunkan lot-lot yang masih kosong di Bandar Petri Jaya. Pada tahun 2019, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi pembangunan Rumah Mampu Milik di Bandar Petri Jaya yang merangkumi kos pembangunan infrastruktur sahaja. Manakala bagi kos pembangunan perumahan dan lain-lain kos sampingan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak KEJORA.

Bagi tujuan pembangunan ini, kerja-kerja infrastruktur akan dilaksanakan pada Fasa 1, pembinaan melibatkan peruntukan RM10 juta adalah mencakupi kos perundingan kerja-kerja awalan, kerja-kerja ukur, kerja-kerja tanah, penambakan dan pemotongan, *cut and fill*, dengan izin, kerja-kerja penyediaan jalan berbitumen, kerja-kerja perparitan, kerja-kerja penyediaan bekalan elektrik termasuk pencawang TNB, *sewerage treatment pelan* (STP), anggaran 550 PE, kerja-kerja penyediaan termasuk tangki air. Terdapat 180 plot perumahan yang akan dibangunkan merangkumi rumah sesebuah kos sederhana berkeluasan 850 sehingga 1,000 kaki persegi. Walau bagaimanapun, pembangunan perumahan ini akan dibangunkan secara berfasa, di mana fasa 1 hanya melibatkan 40 unit rumah sahaja, selebihnya akan dibangunkan berdasar kepada prestasi penjualan 40 unit rumah pada Fasa yang 1. Penjualan rumah ini akan dikelolakan oleh KEJORA sendiri. Status terkini sehingga Jun 2019, projek ini adalah dalam peringkat pelantikan Perunding. Dijangka pelantikan Perunding ini akan diselesaikan dalam bulan September 2019.

Yang terhormat Tuan Speaker, YB Penawar bertanya buat kali kedua saya rasa, seingat saya selepas pertamanya sebagai soalan tambahan iaitu berkaitan dengan status Taman Penawar Harmoni yang dimajukan oleh KEJORA di Desaru. Pembangunan Taman Penawar Harmoni ini adalah meliputi rumah jenis A Rumah Mampu Biaya yang berharga RM40,000.00 sebanyak 131 unit, RMB berjumlah 211 unit RMBC yang berharga RM150,000.00 berjumlah 112 unit dan kedai kos sederhana 1 tingkat 65 unit termasuk rumah berbandung 1 tingkat sebanyak 32 unit menjadikan jumlah keseluruhan projek ini adalah 551 unit.

Status terkini yang suka saya kongsi dengan YB Penawar adalah Taman Penawar Harmoni yang telah siap sepenuhnya dan telah dikeluarkan Sijil Pematuhan dan Penyediaan ataupun CCC dan projek ini telah didaftarkan di bawah SUKJ Perumahan untuk kelulusan daripada Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia pada 3 April 2019 yang lalu untuk ditawarkan kepada awam. Mesyuarat Lembaga Pengarah KEJORA pada 25 Julai 2016 telah memutuskan, 180 unit diperuntukkan kepada kakitangan KEJORA, 111 unit untuk kuota politik KMK dan 228 unit kepada ditawarkan kepada awam. Walau bagaimanapun Mesyuarat Jawatankuasa dan MMK banyak meluluskan 27 unit sahaja untuk kuota pekerja KEJORA mahupun kuota politik MMK ditukar kepada kuota awam. Ini kerana kerajaan Pakatan Harapan telah memansuhkan kuota pemaju perumahan ataupun kakitangan dan juga kuota KMK.

KEJORA sebenarnya mendapat geran atau peruntukan RM25 juta daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan cadangan sebahagian iaitu sebanyak 139 unit diperuntukkan untuk kakitangan KEJORA. Surat rayuan KEJORA dan disokong oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bertarikh 20 Jun 2019 telah diterima dan insya-Allah akan dipertimbangkan. Komponen 30 unit rumah berkembar boleh dijual oleh KEJORA kepada kakitangan kerana rumah berkembar yang berharga RM300,000.00 seunit ini tidak

termasuk dalam kuota Rumah Mampu Biaya Johor. Insya-Allah, permohonan 107 unit tambahan untuk kakitangan KEJORA akan dibawa dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri MMK yang terdekat untuk kelulusan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Permas ada bertanyakan tentang status pembangunan 100 unit penempatan semula setinggi di Senibong yang mula pembinaan pada 15 Januari 2018 kerana bayaran *progress* kerja kepada kontraktor yang dilantik tidak dibuat sebagaimana sepatutnya. Yang Berhormat Tuan Speaker, projek penempatan semula penduduk Senibong ini dan beberapa kampung lain di Plentong tidak melibatkan bayaran kemajuan kepada pihak pemaju iaitu Tebrau Bay Sdn. Bhd. Kaedah pembangunan adalah melalui *land swap* dengan izin, antara tanah milik Tebrau Bay yang didiami oleh penduduk dengan tanah milik kerajaan negeri tiada arahan pemberhentian kerja melainkan isu dalaman di antara dalaman antara pihak Tebrau Bay dengan juga kontraktor ataupun sub-kontraktor yang dilantik oleh mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Pengerang ada bertanyakan tentang status projek perumahan rakyat PPR di Kampung Punggai sama ada disambung semula setelah terbengkalai begitu lama. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, PPR di Kampung Punggai dinamakan dengan nama PPR Pengerang, pembinaan bagi kesemua bagi projek PPR adalah di bawah tanggungjawab pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau ringkasnya KPKT, bagi projek PPR Pengerang ini kontraktor penyelamat yang telah dilantik oleh pihak KPKT adalah AM Rich Construction Development Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 25 Mac 2019, manakala tarikh siap dijangka adalah pada 24 September 2021. Untuk makluman Dewan yang mulia, maklumat kemajuan kerja yang dibentangkan oleh kontraktor kepada pihak KPKT di dalam Mesyuarat Tapak Bil. 3/2019 pada 23 Jun 2019 yang lalu adalah sebagaimana berikut, kerja-kerja ditapak sehingga 16 Jun 2019 secara fizikal, kemajuan jadual asal adalah 2.87%, kemajuan sebenar adalah 2.87%, makna tidak berlaku sebarang kelewatan dan insya-Allah, projek PPR Pengerang ini akan diteruskan oleh kontraktor ataupun pemaju yang telah dilantik oleh pihak KPKT.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Penggaram ada membangkitkan isu berkaitan penggunaan ataupun gangguan perkhidmatan Internet di sekitar bandar Batu Pahat. Untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, mengikut maklumat daripada pihak Telekom Malaysia atau ringkasnya TM beberapa kawasan di Batu Pahat, Johor sedang mengalami gangguan perkhidmatan berikutan kerosakan teruk pada kabel utama mereka. Antara kawasan-kawasan terjejas adalah Taman Pantai Minyak Beku, Taman Ampuan, Taman Joseph, Taman Seri Pantai, Taman Batu Pahat Taman Maju, Taman Makmur, Taman Soga, Taman Mas, Parit Kangkung, Kampung Petani, Taman Banang Ria, Taman Banang Height, Taman Nira, Taman Damai, Parit Lapis Darat dan juga Parit Gantung. Sehingga kini TM telah berjaya membaik pulih sebahagian besar hampir 90% kabel-kabel yang rosak dan dijangka siap sepenuhnya pada 15 Julai 2019. Makna dalam masa terdekat Yang Berhormat Speaker. Dalam masa yang sama pihak TM juga sedang mengkaji dan mengenal pasti perancangan teliti untuk menaik taraf perkhidmatan Internet kawasan tersebut sebagai langkah jangka panjang. Pihak TM juga sentiasa bersedia untuk bekerjasama rapat dengan pihak kerajaan negeri serta agensi-agensi berkaitan dalam menyediakan perkhidmatan Internet yang *stable* dan jasa berkualiti untuk dinikmati oleh rakyat Malaysia, khususnya rakyat Johor. Pihak TM amat prihatin terhadap permasalahan yang timbul dan sedang berusaha agar masalah yang timbul dapat diatasi dengan segera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih juga saya ucapkan kepada YB Skudai, YB Gambir dan juga YB Maharani yang sangat prihatin terhadap ekonomi digital khusus untuk negeri Johor. Memahami keperluan negeri dan masyarakatnya dalam mendepani ekonomi digital, kerajaan negeri Johor akan memberi fokus kepada proses penyediaan infrastruktur awam terlebih dahulu supaya perancangan pendigitalan untuk negeri Johor sama ada melalui kerajaan digital dan juga ekonomi digital dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Antara perkara yang akan diberikan tumpuan yang sewajarnya oleh pihak kerajaan negeri

Johor pada masa ini adalah pertama Pelan Gentian Optic dan Kesalinghubungan Negara ataupun ringkasnya NFCEP, yang kedua pasukan petugas khas 5G dan ketiganya adalah ekonomi digital. Pelan NFCEP Yang Berhormat Speaker adalah merupakan pihak kementerian iaitu melalui SKMM ataupun MCMC telah merangka pelan ini untuk tempoh 5 tahun, 2019 sehinggalah 2023 yang bertujuan untuk menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti dan juga mampu milik. Dan yang kedua pelan NFCEP ini juga bertujuan untuk menetapkan hala tuju bagi pelaksanaan dasar dan inisiatif yang menyokong ekonomi digital mencipta persekitaran kondusif bagi penggunaan Teknologi masa hadapan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang kedua pasukan petugas khas 5G. Teknologi 5G merupakan evolusi Teknologi komunikasi mudah alih terkini yang mampu meningkatkan kelajuan akses jalur lebar sehingga 20 *gigabyte per second*, atau 10 kali ganda kelajuan lebih tinggi berbanding 4G. Kebolehpercayaan penyambungan lebih baik pada kadar *latency* yang rendah dan penyambungan mesin-mesin atau ringkasnya M to M atau *sensor* untuk aplikasi *internet of thing* atau IOT yang lebih meluas. Teknologi 5G ini dilihat boleh menyokong visi ekonomi digital negara kita yang kita jangka sistem 5G ini akan di implementasi selewat-lewatnya 2021 dan juga 2022.

Ekonomi digital, masyarakat dunia sekarang ini tidak dinafikan sedang berlumba-lumba untuk menjuarai ekonomi, kini operasi perniagaan tradisional dilihat agak sukar bersaing dan berbanding dengan perniagaan berteraskan data. Oleh hal yang demikian, kerajaan negeri komited untuk memastikan Johor tidak ketinggalan dalam persaingan global mengambil peluang yang ada menerokai sektor ekonomi digital. Untuk makluman sidang Dewan, kerajaan negeri sedang dalam proses memperkenalkan program pendigitalan johor melalui e-direktori dengan penggunaan nama domain johor.my dan juga johorbestari.my. Inisiatif ini juga membolehkan Johor sebagai negeri yang ke hadapan dalam penggunaan Teknologi digital selain memberi peluang kepada lebih banyak syarikat di Johor termasuk SME Micro dan pengurusan pasaran global melalui pewujudan pautan e-directory dengan peningkatan kehadiran atas talian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhirnya saya ingin mengungkapkan bahawa kerajaan Johor mempunyai 10 tawaran untuk dilaksanakan dan dalam masa 5 tahun, sebagaimana yang dinyatakan dalam manifesto Pakatan Harapan Johor. Salah satu daripada tawaran tersebut berkaitan dengan portfolio ataupun jawatankuasa saya adalah untuk menyasarkan pembinaan 100,000 unit Rumah Mampu Biaya Johor menjelang 2023. Manifesto ini adalah sebahagian daripada hala tuju atau perancangan kerajaan dan pastinya akan diikuti dengan strategi bagaimana untuk mencapai dan merealisasikan hala tuju dan juga perancangan tadi.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan lisan pada hari Ahad perbahasan di mana sehingga kini 2,305 unit perumahan Rumah Mampu Biaya Johor telah siap dibina sepanjang 2018, 3,590 unit telah pun diluluskan oleh Jawatankuasa Perumahan bagi ditawarkan kepada awam dan juga sebanyak 21,374 unit lagi dalam peringkat kelulusan di peringkat yang kita yakin insya-Allah, akan siap menjelang 2023. Saya yakin insya-Allah, kerajaan negeri berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran 100,000 unit rumah mampu biaya dan saya mohon sama ada Yang Berhormat daripada sebelah sini mahupun di sebelah sana kita menggembeng tenaga bersama untuk pastikan 100,000 unit ini dapat kita sediakan untuk rakyat ataupun bangsa Johor. Janganlah kita memperlekehkan ataupun mewujudkan satu stigma bahawa ini merupakan suatu yang mustahil, tidak ada yang mustahil sebenarnya untuk kita lakukan (ayat Al-Quran) kita berusaha dengan sebaik mungkin dan kemudian kita bertawakal kepada Allah SWT.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas teguran dan kritikan yang membina sama ada daripada Yang Berhormat sebelah sini mahupun daripada sebelah sana, insya-Allah teguran dan juga kritikan yang saya yakin datangnya daripada niat yang bersih dan mempunyai rasa kasih dan sayang atau pada negeri Johor yang kita

cintai ini dan dengan kata kalimah Muafakat Membawa Berkat yang merupakan suatu pseudonim ungkapan yang sinonim dengan bangsa Johor dapat kita realisasikan kerana perbidalan Melayu ada menyatakan, 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'. Sekian wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh 30 minit Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Terima kasih YB EXCO, saya kira kita tak perlu rehat seperti biasa kerana kita nak habiskan terus pukul 1.00 ini. Kalau kita berehat maka kita akan terpaksa tambah persidangan pada waktu petang, so kita nak balik cepat, so kita teruskan tanpa rehat. Saya persilakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi. Dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mulakan ucapan saya dengan merafak sembah menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena pembukaan Persidangan Kedua DUN Kali 14 pada tahun ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dato' Osman Sapian yang telah menerajui kerajaan pakatan Harapan Johor dipermulaan penubuhannya dengan asas yang ke hadapan dan berwawasan. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin Jamal yang telah dilantik sebagai Menteri Besar ke-17, kami barisan EXCO dan ADUN akan terus komited menyokong dan bersama Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar selagi tidak bercanggah dengan peraturan Allah, rasul-Nya dan Perlembagaan Malaysia serta Undang-Undang Tubuh Negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Wakil-Wakil Rakyat, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan ini, pertama saya akan khususnya jawapan-jawapan daripada isu sumber manusia, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan ini, pertama saya akan khususnya jawapan-jawapan daripada isu sumber manusia. Soalan daripada YB Kahang bertanyakan mengapa Tabung Kemahiran Khas untuk anak-anak FELDA dan kaum India telah diketepikan dalam bajet 2019. Jawapan ini pada Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam usaha meningkat penyertaan anak-anak FELDA dalam TVET, JPN Johor telah menawarkan Latihan Kemahiran melalui Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) yang melayakkan murid menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 di sekolah harian dalam FELDA. Pihak FELDA pusat juga telah bekerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Manakala kaum India diberikan peluang melalui agensi seperti Johor Skill di mana sebanyak 15% anak-anak kaum India telah diterima sebagai pelatih untuk separa mahir lepasan SPM dan lebih kurang 10% tenaga mahir dalam bidang-bidang yang mendapat pengiktirafan dan kerjasama pentauliahan badan profesional antarabangsa dan tempatan seperti The Welding Institut of UK serta lain-lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kenyataan YB Kahang juga tercatat di dalam Verbatim menerusi klasifikasi piawaian pengelasan pekerja pada tahun 2108, hanya 60,000 orang pekerja mahir dalam bidang pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan di Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia, Yang Berhormat Tuan Speaker, ini membuktikan Pakatan Harapan telah melahirkan 60,000 pekerja mahir dalam bidang yang berkaitan. Terima kasih kepada Kahang kerana menyatakan kejayaan ini. Kejayaan ini dicapai melalui unit-unit latihan Johor Skill, KYPJ, Kolej Kemahiran Johor, Institut Latihan Perindustrian, ADEX, Pusat Latihan Kemahiran Tinggi, Akademik minyak dan Gas, yang mana inilah antara sumber yang dapat melahirkan tenaga-tenaga mahir dan separa mahir di negeri Johor.

Kahang juga menyebut dan bertanya tentang pekerja asing dari Afrika di mana kerajaan PH buat *u-turn* katanya. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-

Ahli yang berada dalam Dewan yang mulia ini, sebenarnya menteri berkenaan berpandangan dan belum membawa kertas cadangan ke dalam kabinet. Oleh kerana keprihatinan Perdana Menteri dan Kabinet Malaysia dengan tegas menyatakan bahawa warga dari Afrika tidak sesuai dengan suasana masyarakat Malaysia maka tidak timbul *u-turn*.

Yang Berhormat Tuan Speaker menjawab persoalan YB Layang-Layang, YB Kahang, YB Pasir Raja dan YB Endau berkenaan dengan pekerja asing.

Dasar kerajaan adalah untuk memberi keutamaan kepada rakyat tempatan bagi mendapatkan pekerjaan terlebih dahulu. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja.

Kerajaan turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal JobsMalaysia sebelum dikeluarkan Sijil Perakuan Pengesahan Majikan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat warganegara.

YB Tuan Speaker, antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan PH untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan memberi peluang pekerjaan kepada 1 juta rakyat Malaysia seperti dalam manifesto PH yang dibangkitkan oleh YB Kahang juga.

1. Mempromosi dan memudahcara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerja(3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja.
2. Menggalakkan sektor-sektor yang berinteraksikan burun beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2025.
3. Dasar kerajaan untuk memberikan penekanan revolusi industri 4.0 khusus kepada pembangunan sektor pembuatan (*manufacturing sector*) dari aspek peningkatan produktiviti, inovasi dan peningkatan guna tenaga yang berkemahiran tinggi kerana industri akan dijana dan digerakkan oleh sistem robotik dan juga mekanikal tanpa melibatkan pengawalan oleh manusia secara langsung.
4. Mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara.
5. Menghadkan penggajian pekerja asing kerajaan memutuskan supaya majikan seluruh Malaysia membayar levi pekerja asing 1 Januari 2019.

YB Tuan Speaker, menjawab persoalan dari YB Endau - Pekerja asing di premis restoran dan pusat hiburan. Apa tindakan pihak polis dan Imigresen? Saya meminta melalui Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor pada hari ini supaya agensi kerajaan yang ada kepentingan dan kebertanggungjawaban dengan pekerja asing ini mestilah bertindak apabila ada laporan dari mana- mana pihak sama ada rakyat, ketua kampung apatah lagi laporan yang datangnya dari pemimpin yang dipilih oleh rakyat iaitu ADUN atau MP. Tindakan penguatkuasaan amat penting demi kesejahteraan dan keamanan negeri Johor dan negara Malaysia tercinta.

YB Tuan Speaker, menjawab pertanyaan YB Tanjung Surat mengenai inisiatif pembangunan modal insan dan pekerja mahir untuk sektor hiliran minyak dan gas di projek Penggerang Integrated Petroleum Complex (PIPC) khususnya oleh Johor Petroleum Development Corporation (JPDC).

Pertama, pembangunan industri hiliran minyak dan gas di PIPC melibatkan kawasan perindustrian seluas 20,000 ekar menempatkan tangki penyimpanan minyak, loji penapisan minyak, loji petrokimia dan loji gas asli cecair serta industri berkaitan. Ianya melibatkan pembangunan projek secara berperingkat mengikut fasa-fasa yang telah ditentukan untuk memastikan ianya berjalan dengan lancar.

Kedua, keperluan tenaga kerja akan ditentukan berdasarkan fasa- fasa berkenaan. Jumlah tenaga kerja yang dijangkakan untuk fasa operasi adalah seramai 4,420 orang pekerja mahir dan profesional. Fasa operasi dijangka bermula pada suku keempat 2019. Fasa operasi melibatkan aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih untuk tangki penyimpanan, loji penapisan minyak, loji petrokimia dan loji gas cecair. Keperluan tenaga kerja adalah meliputi kontraktor-kontraktor utama dan sub-kontraktor yang dilantik oleh pihak pelabur untuk aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih.

Malah, salah satu daripada enam mandat yang diamanahkan kepada JPDC, agensi kerajaan persekutuan untuk menyelaraskan, memudah cara dan mempromosi pembangunan PIPC, termasuk memastikan rakyat tempatan di Johor dan Pengerang diberi peluang untuk turut serta dalam PIPC.

Untuk memastikan warga tempatan berkemahiran untuk merebut peluang pekerjaan pada fasa operasi ini, beberapa langkah-langkah proaktif telah dilaksanakan proaktif telah dilaksanakan oleh pihak JPDC:

1. Peningkatan latihan, *up skilling* untuk pekerja mahir sedia ada.
2. Latihan dan pensijilan yang mematuhi kehendak industri hiliran minyak dan gas di PIPC kepada belia tempatan.
3. Mengadakan latihan amali fasa operasi untuk para graduan dalam bidang teknikal, di dalam memastikan kesediaan dan kebolehpasaran para graduan dari universiti tempatan.
4. Program latihan untuk perkhidmatan sokongan kepada operasi pembangunan PIPC.
5. Bekerjasama dengan syarikat-syarikat dan kontraktor dalam memastikan penempatan pekerja untuk belia tempatan.

JPDC juga dari semasa ke semasa sentiasa memantau keperluan tenaga kerja bagi projek Pengerang. Maklumat diperolehi dari pihak Petronas ataupun kontraktor-kontraktor utama berkaitan dengan peluang pekerjaan melalui Pusat Informasi Setempat Pengerang (PISP), ketua-ketua kampung, pejabat-pejabat ADUN, JobMalaysia, Kembara Kerjaya Johor, dan karnival kerjaya. Selain itu, maklumat ini juga dikongsi dengan menggunakan medium media sosial seperti *Facebook*, *twitter* dan laman web JPDC.

Maklumat yang disampaikan bukan sekadar peluang pekerjaan, ia juga merangkumi peluang-peluang latihan kemahiran berkaitan minyak dan gas yang disediakan di pusat-pusat latihan milik kerajaan. Secara keseluruhannya, manfaat-manfaat ini dapat meningkatkan lagi taraf sosioekonomi warga Johor yang seterusnya membantu kerajaan bagi mencapai matlamat Negara Berpendapatan Tinggi serta Johor Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab pertanyaan YB Layang-Layang dan YB Pasir Raja bagaimana cara untuk meningkatkan peluang pekerjaan di Negeri Johor? Secara umumnya berdasarkan kluster struktur ekonomi negeri Johor, pada tahun 2018 adalah pada tahap 47.4% telah disumbangkan melalui industri perkhidmatan dengan nilai KDNK sebanyak RM55.8 bilion. Manakala 30.74% disumbangkan daripada industri pembuatan dengan nilai KDNK sebanyak RM36.2 bilion.

Seterusnya, sektor ketiga tertinggi adalah daripada industri pertanian sebanyak 14% diikuti pembinaan, duti import dan perlombongan. Manakala dari segi unjuran KDNK akan kekal

meningkat pada tahap 5.0%. Sehubungan itu bagi meningkatkan peluang pekerjaan pada masa hadapan pihak kerajaan negeri akan menumpukan kepada sektor-sektor terlibat dan keadaan ini akan dibantu dan dirangsang dengan kepesatan koridor ekonomi di negeri ini iaitu pembangunan Wilayah Ekonomi Iskandar Malaysia dan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia ataupun RAPID di Pengerang. Walaupun begitu kerajaan negeri tidak hanya menumpukan pembangunan di kawasan Iskandar Malaysia, sebaliknya semua daerah di luar wilayah tersebut akan dibangunkan mengikut acuan, kesesuaian, kelebihan dan kekuatan masing-masing.

Selain itu, bagi merencanakan peluang pekerjaan di negeri ini, terdapat beberapa sektor yang telah dikenal pasti dan diterokai oleh pihak kerajaan negeri melalui pelancongan, industri kreatif, logistik dan perkhidmatan kewangan dipelbagaikan perusahaan di wilayah berkenaan selepas sektor elektrik dan elektronik, minyak dan petroleum serta makanan dan minuman. Begitu juga Taman Perindustrian Pengerang yang dibangunkan Johor Corporation, akan menjadi satu-satunya kawasan perindustrian berskala besar di Pengerang dan bakal menarik pelaburan kira-kira RM15 bilion. Sehingga kini, lebih 10 bakal pelabur menunjukkan minat untuk beroperasi di situ yang menyokong RAPID Petronas. Ini akan merencanakan lagi aktiviti pembangunan di kawasan Pengerang.

Malah, taman perindustrian yang dijangka mewujudkan 3,600 peluang pekerjaan serta limpahan peluang perniagaan kepada masyarakat setempat akan membantu mencapai sasaran menjadikan Johor sebagai hab minyak dan gas di rantau ini. PIP adalah seluas 316 hektar, terletak bersebelahan tapak RAPID Petronas dan akan dibangunkan dengan ekosistem yang inklusif bagi memenuhi permintaan industri minyak dan gas terutama industri hiliran. Kesemua faktor-faktor di atas akan menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi di negeri Johor, seterusnya mewujudkan ribuan peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab pertanyaan YB Parit Raja berkenaan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Sehingga kini, masih ramai lagi rakyat Malaysia yang masih mencari peluang pekerjaan di luar negara, antaranya Singapura. Dengan kadar upah yang lebih menarik, tenaga kerja Malaysia ini sanggup melakukan kerja di sektor 3D di luar negara. Kehilangan modal insan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi akibat penghijrahan ke negara lain, *brain drain*, adalah salah satu trend yang sering dialami di negara-negara lain, terutamanya di negara yang sedang membangun.

Kita sedia maklum, bahawa di peringkat Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan Program Kepulangan Pakar di bawah kendalian Talent Corporation Malaysia yang berusaha membawa pulang rakyat Malaysia. Antara sektor utama yang menyumbang kepada peningkatan permohonan REP, kepulangan rakyat pakar tadi, ialah perkhidmatan perniagaan, pembuatan dan pembinaan. Di peringkat kerajaan negeri juga, akan mengambil inisiatif untuk mengadakan sesi bual bicara bersama pekerja-pekerja rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura bagi mendapatkan gambaran sebenar situasi penghijrahan mereka di luar negara. Sesi ini dijangkakan akan diadakan pada akhir September ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan mempunyai dasar yang jelas dan dibuat secara khusus bagi menarik anak-anak watan termasuk kalangan anak-anak Johor yang pulang berkhidmat dan mencurahkan bakti di negeri kelahiran mereka terutama dalam kawasan Wilayah Pembangunan Ekonomi Iskandar dan Rapid Pengerang. Antara dasar itu, membabitkan pemberian insentif pendapatan individu sebanyak 15%. Insentif ini ditawarkan kepada mereka yang berkhidmat dalam enam sektor perkhidmatan dipromosikan, selain sektor bioteknologi dan alam sekitar yang ditawarkan kepada modal insan di kalangan tenaga pakar yang berpengalaman di luar negara sebagai peluang untuk pulang dan berkhidmat di Iskandar Malaysia. Untuk makluman, insentif ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan. Lantas, bagi manfaat dasar yang baik sebegini, usaha terus dilakukan oleh kerajaan dan agensi berkaitan termasuk Pihak Berkuasa Wilayah

Pembangunan Iskandar (IRDA) bagi mempertingkatkan dan memperkemas usaha-usaha bersepadu bagi menarik lebih banyak pelabur bernilai tinggi yang boleh menawarkan gaji berpendapatan tinggi, sekali gus dapat menarik balik modal insan anak-anak watan terutama di kalangan anak negeri Johor untuk pulang dan berkhidmat di negeri asal usul mereka ini.

Di samping peluang pekerjaan yang ditawarkan menerusi program seperti Karnival Kerjaya anjuran Unit SMI mahupun jabatan lain seperti Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor, penyertaan gabungan ini menerusi program persijilan kemahiran anjuran Unit SMI amat dialu-alukan. Dengan sijil kemahiran ini, mereka dapat menggunakan untuk memperolehi pekerjaan yang lebih baik serta mendapat upah yang baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab soalan YB Parit Raja dan YB Kemelah berkenaan peranan Unit Modal Insan. Unit Modal Insan yang bertanggungjawab dalam memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan di negeri Johor. Pelbagai inisiatif dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang penubuhan unit ini. Dalam memastikan pelebaran spektrum peranan Unit SMI sebagai jabatan Kerajaan Johor yang mengkoordinasi pembangunan modal insan di kalangan rakyat Johor, pada tahun ini Unit SMI akan mengadakan program Penasihat Kerjaya Insan Johor. Program ini adalah projek perintis peringkat negeri yang mana objektifnya adalah membangunkan kumpulan bimbingan kerjaya yang kompeten di kalangan rakyat Johor sebagai sumber rujukan modal insan di kalangan pencari kerja, pelajar sekolah dan orang awam untuk mendapatkan khidmat nasihat, hala tuju kerjaya yang mereka impikan menjadi kenyataan.

Tambahan lagi, menerusi program Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu, golongan sasar program ini adalah mereka yang mempunyai pengalaman kerja minimum dua tahun, pengalaman dalam apa jua bidang. Kursus-kursus bidang ini yang bersikap terbuka adalah berdasarkan *NOSS* atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. Terdapat lebih 1,800 bidang yang ditawarkan di dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.

Inisiatif seterusnya, menyasarkan golongan 4B di kalangan belia, ibu tunggal, orang kurang upaya dan wanita seperti Program Insan Johor. Pada tahun ini, fokus utama Unit SMI adalah menjurus kepada peningkatan kemahiran di kalangan rakyat. Penekanan keperluan program-program berbentuk kursus kebolehpasaran, kursus pembangunan diri turut diberi penekanan. Istilah modal insan merupakan suatu istilah yang menggambarkan manusia di lihat sebagai buruh dan pengusaha, modal atau aset tenaga yang sungguh penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi, pembangunan negara termasuk kehendak bangsa serta agama. Modal inilah yang digerudi, dibangunkan dan diuji kemampuannya sebelum dimanfaatkan.

Kerajaan Pakatan Harapan mempunyai matlamat yang jelas tanpa sumber manusia yang berkualiti, berintegriti, beramanah dan berwawasan masa depan rakyat maka sesebuah negara akan lemah kerana ketiadaan faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonomi, pembangunan rohani rakyat dan pemimpinnya.

Justeru itu, dalam memperkasakan pembangunan modal insan di negeri Johor dan memastikan kelestariannya, menerusi Unit SMI telah menetapkan fokus dan hala tuju strategik pembangunan modal insan :

1. Mengukuhkan kapasiti Unit SMI sebagai badan koordinasi bagi setiap agensi berkaitan dan bidang yang berkaitan penyelidikan dan informasi;
2. Mengumpul maklumat dan mewujudkan 200,000 peluang pekerjaan berkualiti sebagaimana di dalam manifesto Kerajaan Pakatan Harapan;
3. Mengurangkan kebergantungan majikan terhadap pekerja asing dalam sektor pekerjaan di negeri Johor;

4. Memperkasakan kerjasama awam swasta dalam agenda pembangunan modal insan Johor;
5. Penstrukturan dan koordinasi pembangunan kemahiran oleh agensi dan pusat latihan di dalam negeri Johor;
6. Kempen kesedaran penguatkuasaan akta-akta berkaitan yang sedia ada seperti Akta Pekerja 1955, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 serta budaya kerja yang harmoni.

Yang Berhormat Tuan Speaker, justeru itu, dalam merealisasikan objektif kepada perkara ini, tindakan yang sedang dipergiatkan ialah aktiviti pengumpulan maklumat dan data yang akan menjurus kepada penghasilan peluang pekerjaan yang berpotensi dan berkualiti tinggi. Ini penting kerana ianya boleh memberi daya penolak, *push factor* kepada pasaran pekerja dari segi peningkatan elaun, gaji, pakej manfaat dan ganjaran kepada pekerja. Justeru itu, amatlah penting bagi unit ini untuk menyediakan satu sistem maklumat atau pengkalan data yang akan menyelaraskan data-data sedia ada untuk dijadikan satu rujukan utama.

Untuk makluman Ahli Dewan, Unit SMI telah mengadakan beberapa siri perbincangan ke arah menyediakan satu sistem maklumat dan *website* SMI bagi rujukan pelabur, agensi kerajaan, industri dan orang awam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apabila kerajaan telah mempersiapkan modal insan anak muda, maka saya yakin dan percaya anak muda kita tidak lagi terlalu *demanding* kerana sudah pasti apa permintaan dan jangkaan mereka munasabah dan bersesuaian dengan keadaan gaya hidup semasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab isu-isu Pendidikan. YB Kahang membangkitkan isu SJKT Seri Alam dan isu SJKT Ladang Semberong. Tetapi ia telah dijawab dengan penuh semangat oleh rakan saya EXCO Perpaduan, jadi saya tak jawablah.

YB Tuan Speaker, YB Machap juga membangkitkan Masalah yang dihadapi oleh SMK Machap dan SK Machap dengan bauan gangguan najis tahi ayam dan gangguan lalat. Saya menyarankan pihak sekolah membuat aduan kepada jabatan berkaitan seperti PBT Simpang Renggam, Jabatan Pertanian, Kesihatan dan Veterinar untuk rujukan dan tindakan agensi- agensi berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh YB Mengkibol berkenaan Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) mengenai peruntukan cukai bagi tahun 2010 hingga 2017. Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) merupakan sebuah badan berkanun Kerajaan Negeri Johor yang ditubuhkan bagi menggalas tanggungjawab menguruskan bidang pendidikan bangsa Johor. Pelbagai bantuan pendidikan yang telah diberikan bagi memastikan bangsa Johor mempunyai pendidikan tinggi serta lestari dan mampan dalam pembangunan modal insan negeri Johor. Berkenaan cukai, YPJ tiada mempunyai sebarang hasil perniagaan. Sumber hasil yang diperolehi adalah daripada sumbangan anak syarikat YPJ iaitu YPJ Holdings Sdn. Bhd. bagi menampung bantuan pendidikan seperti pinjaman pelajaran, tuisyen, insentif harapan siswa dan juga biasiswa. Berkaitan itu, YPJ sedang dalam tindakan menghubungi Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tujuan penjelasan dan pemakluman berkenaan pencukaian ini. YPJ yakin atas tanggungjawab bantuan pendidikan kepada bangsa Johor, LHDN akan mempertimbangkan permohonan YPJ ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Gambir bertanya mengenai *progress* Universiti Johor serta menyokong penuh penubuhan Universiti Johor seperti dalam tawaran Pakatan Harapan Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia, kajian penubuhan Universiti Johor pada fasa 1 melibatkan kajian keperluan sumber manusia serta analisa keupayaan pesaing dan jurang di mana ia di dilaksanakan dengan mengambil kira pandangan dari pemegang taruh dan juga pemain industri khususnya di negeri Johor. Pandangan dari pihak Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

juga menjadi rujukan bagi memastikan Universiti Johor berupaya memperkasa industri dan ekonomi di negeri Johor, melalui pemantapan kualiti industri pendidikan tinggi milik agensi di bawah kerajaan Johor. Dengan penubuhan Universiti Johor juga, ia akan berperanan menjadi rakan strategik kepada industri, komuniti dan kerajaan Johor itu sendiri dalam memacu daya saing rakyat dan memupuk bakat masa depan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, hasil kajian lapangan di 10 daerah di negeri Johor menunjukkan sokongan tinggi oleh rakyat Johor terhadap penubuhan Universiti Johor dengan *min* purata 3.4/4. Hasil kajian juga mendapati 84.4% bersetuju bahawa keunikan dan kekuatan Universiti Johor adalah di bawah pentadbiran kerajaan Johor dengan penglibatan dari komuniti dan industri. Manakala, konsep terbaik dalam tadbir urus, model kewangan, akademik, fizikal dan hubungan industri, penyelidikan Universiti Johor sedang dikaji dan diperhalusi dalam fasa 2 kajian memastikan Universiti Johor dapat memberi kesan *transformative* kepada masyarakat.

Melalui konsep Universiti Johor yang tepat, negeri Johor mampu membangunkan peradaban manusia unggul dengan nilai muafakat yang tinggi, berempati, beretika, berintegriti serta mempunyai nilai *kareem* iaitu murah hati dan mulia. Terkini, kerajaan negeri sedang giat merangka dan menyediakan Pelan Strategik Penubuhan Universiti Johor dengan mengambil kira cabaran dan implikasi yang bakal dihadapi oleh Universiti Johor.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kerajaan negeri sememangnya komited untuk menawarkan peluang yang kompetitif bagi pembelajaran, penemuan dan penglibatan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial masyarakat, negeri dan negara. Perancangan Universiti Johor ini juga merupakan satu bukti yang menunjukkan kerajaan negeri Johor serius dalam usaha mengangkasakan institusi pengajian tinggi di Johor supaya dengan izin Allah, negeri Johor dapat menjadi peneraju dalam institusi pendidikan tinggi negara yang berasaskan *Model Quadruple Helix* melalui usaha sama teguh daripada universiti, kerajaan negeri, industri dan komuniti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB Semarang ada menyentuh jawapan saya berkenaan 3,992 murid ponteng sekolah seluruh Johor. Ia adalah yang bekerja selepas waktu sekolah menyebabkan murid tidak boleh bangun pagi untuk bersekolah. Inilah antara salah satu faktor murid ponteng walaupun peratusnya kecil ataupun kes terpencil. Saya menyarankan supaya guru tingkatan, guru kaunseling dan pentadbir sekolah kenal pasti golongan berkenaan dan cuba bantu melalui PIBG dan lain-lain sumber seperti NGO, masjid dan lain-lain supaya murid yang bekerja disebabkan faktor kewangan dapat dibantu dengan sebaik mungkin dan secara tidak langsung dapat mengelakkan ponteng sekolah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai penutup amatlah tidak adil jika pembangkang cuba membuat satu perbandingan zaman BN yang telah memerintah selama 60 tahun dengan Pakatan Harapan yang hanya baru satu tahun dua bulan memerintah.

Namun, berbekalkan keyakinan dan kemakmuran rakyat bangsa Johor yang menukar kerajaan BN kepada kerajaan PH, maka saya yakin segala usaha dan sedang kita lakukan akan terus mendapat sokongan rakyat jelata termasuk di seluruh Malaysia. Bukti terbaru bagaimana penyelesaian yang sangat mengejutkan banyak pihak antara guru dan murid menjadi kayu pengukur bahawa semua pihak, rakyat sama ada orang awam dan kakitangan kerajaan amat menitikberatkan kebijaksanaan pemimpin yang nak membawa masa depan negara ke arah yang lebih maju, berintegriti, beramanah, berwawasan serta pantas menyelesaikan masalah rakyat.

Tahniah dan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan yang terus komited melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan ikhlas dan penuh dedikasi, kerana mereka menyedari bahawa kerajaan pada hari ini amat berbeza dengan kerajaan dahulu. Marilah sama-sama kita terus berganding bahu membangunkan negeri yang kita cintai, bersama terus kekalkan perpaduan antara kita. Kita menolak pemikiran perkauman dan

agama yang sempit kerana itulah salah satu cara menjadikan Johor Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari.

Akhir kata, insya-Allah tawaran PH, 200,000 pekerja, peluang pekerjaan pada tahun, selama sepenggal akan dapat dijayakan berdasarkan kepada maklumat jawapan saya sebentar tadi, bahawa dalam tahun ini sahaja peluang pekerjaan akan diisi sebanyak 91,000 lebih. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada YB EXCO, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi. Seterusnya saya persilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita untuk membuat penggulungan pada pagi ini. Dipersilakan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ingin mulakan dengan merakamkan penghargaan dan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Takzim sempena pembukaan sidang Dewan Undangan Negeri Johor kali ini. Insya-Allah kami akan mengambil iktibar daripada nasihat-nasihat yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Patik juga dengan rendah diri merafakkan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di atas pelantikan patik sebagai Menteri Besar Johor yang ke-17 serta pengurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Kedua Dato' Mulia Sultan Ibrahim Johor.

Terima kasih juga diucapkan kepada mantan Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Kempas dan dua mantan EXCO dari kawasan Skudai dan Puteri Wangsa. Mereka banyak membantu dalam proses transisi kerajaan serta telah merencanakan batu asas dalam usaha pembangunan negeri Johor yang lebih pesat. Titah ucapan pembukaan sidang Dewan bagi penggal ke-14 ini menjadi asas yang baik kepada suatu perbahasan penting yang kesemuanya menjurus ke arah kepentingan negeri Johor dan rakyatnya.

Saya juga ingin menarik perhatian semua Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang peranan dan tanggungjawab kita sebagai pemimpin. Seorang tokoh ilmuwan Melayu bernama Dr. Tenas Effendi dalam bukunya, Kepimpinan Melayu 2013, pernah menyebutkan bahawa menjadi pemimpin banyak kewajipan membawa umat kepada kesejahteraan, mana yang kusut wajib diselesaikan, mana yang keruh wajib dijernihkan. Mana yang melintang wajib diluruskan, mana yang berbonggol wajib ditarah. Mana yang kesat wajib dilicinkan, mana yang menyalah wajib dibetulkan. Wajib memberi contoh teladan, wajib menyampaikan tunjuk ajaran, wajib memelihara kampung halaman, wajib menjaga alam lingkungan, wajib berpihak pada keadilan, wajib berdiri atas kebenaran. Imam Muslim telah meriwayatkan hadis dalam kitab Kepimpinan bab keutamaan pemimpin yang adil, daripada Ibnu Umar, Nabi Muhammad SAW beliau bersabda “ketahuilah setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap daripada kamu akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpin”.

Namun begitu, saya merasa kurang senang kerana suasana perbahasan kali ini diganggu oleh kata-kata kesat yang tidak sesuai digunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Masih ada kata-kata nista yang tidak memberi manfaat langsung dalam konteks perbahasan di Dewan yang mulia ini. Ia bagaikan layang-layang yang terputus talinya, yang terbang tanpa arah dan sia-sia sahaja. Sebagai bangsa Johor yang bertamadun tinggi, kita wajar menggunakan bahasa yang sopan dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini. Tambahan pula, Johor adalah pengasas pemaktuban bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang penuh keindahan dan kesantunan. Yang korek itu kendi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa. Bahasa jiwa bangsa.

Saya berharap agar kita semua dapat menjadikan perbahasan ini sebagai landasan untuk kita mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang berbangkit. Saling menghormati di sebalik perbezaan pandangan politik kita. Justeru, sebagai Ahli Dewan yang

bertanggungjawab dalam menjalankan amanah rakyat, seharusnya setiap daripada kita menggunakan kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menzahirkan idea, penyelesaian dan pembuatan keputusan terbaik untuk kesejahteraan rakyat. Marilah kita hayati falsafah dan semangat demokrasi yang sebenarnya seperti mana yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam Wawasan 2020. Marilah kita amalkan cara hidup ibarat rasmi serumpun bak serai, sesusun bak sirih. Pasti kami di pihak kerajaan negeri akan berusaha meneliti dan mempertimbangkan semula segala cadangan, teguran serta idea-idea yang konstruktif. Sebagai kerajaan yang memerintah, kita sentiasa berlapang dada untuk menerima segala pandangan membina demi mensejahterakan rakyat Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mulakan penggulangan ini dengan menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Benut, Layang-Layang dan Panti. Mereka amat prihatin akan hala tuju pentadbiran negeri Johor di bawah kerajaan Pakatan Harapan. Sebenarnya sejak Pilihanraya Umum Ke-14, kerajaan negeri Johor di bawah Pakatan Harapan komited untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap, berkesan, profesional dan berintegriti yang bertunjangkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, setiap Pengerusi Jawatankuasa yang diamanahkan dalam Portfolio masing-masing mempunyai Indikator Prestasi Utama (KPI). Mereka akan dipantau secara konsisten di bawah Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat. Ini bertujuan bagi memastikan setiap Pengerusi Jawatankuasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan kerjasama jabatan-jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan selaras dengan KPI yang telah ditetapkan. Hala tuju kerajaan negeri Johor adalah menerusi pelaksanaan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030, Negeri Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari yang telah diumumkan oleh mantan Menteri Besar. Namun begitu, kerajaan Johor di bawah pimpinan saya masih mengekalkan pelan pembangunan tersebut dengan sedikit penambahbaikan dari segi teras strategik.

Kerajaan negeri Johor komited untuk menjayakan pelan pembangunan Johor yang disepakati oleh Pakatan Harapan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, penggubalan pelan pembangunan ini mengambil kira pelbagai dimensi yang dijangka menghasilkan output yang berimpak tinggi. Antaranya termasuklah matlamat kelestarian global yang mengandungi 17 kriteria. Selain itu, cabaran dan persaingan ekonomi global dan serantau juga diambil kira di dalam penggubalan pelan ini. Kita juga mengambil contoh jiran tetangga Singapura, untuk dijadikan penanda aras bagi memacu pertemuan ekonomi Johor berkepentingan global. Justeru, indeks kompetitif global diguna pakai bagi merangka pelan ini.

Dalam pada itu, penggubalan Pelan Pembangunan Mampan Johor yang melibatkan jangka sederhana iaitu 10 tahun juga mengambil kira elemen-elemen komprehensif dari Pelan-pelan terdahulu sama ada di peringkat negeri, persekutuan mahupun global. Misalnya, kita merujuk pelbagai pelan pembangunan Johor, Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 dan pelan Penggubalan Rancangan Malaysia ke-12. Misi Pelan Pembangunan Mampan Johor ini bertujuan untuk memacu pembangunan negeri Johor ke arah negeri berdaya saing secara holistik dan inklusif. Pencapaian Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 perlu dilihat secara meluas dan diamati untuk tempoh panjang pembangunan negeri Johor. Kita sendiri mengakui pembangunan negeri Johor pada masa kini bukan datang dengan sekelip mata. Malah, sejarah menunjukkan bahawa Almarhum Sultan Abu Bakar telah meletakkan asas yang kukuh untuk menjadikan Johor sebagai sebuah negeri yang maju, moden dan bertaraf global.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggubalan pelan pembangunan ini kini dalam peringkat akhir. Pada masa kini kerajaan negeri Johor telah dan sedang membuat *engagement*, dengan izin, dengan melantik penasihat pakar dari beberapa buah universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dan Universiti Kuala Lumpur. Dengan adanya sinergi di antara universiti awam dan swasta, kerajaan negeri Johor mendapat pandangan pakar perunding mengenai

matlamat sebenar pelbagai indikator ekonomi yang menyumbang kesan berlipat tinggi kepada ekonomi negeri Johor secara menyeluruh. Selain mendapat maklumat daripada pakar perunding, penggubalan pelan pembangunan ini juga mengambil kira pandangan rakyat negeri Johor. Usaha pengumpulan maklumat ini dibuat menerusi kajian yang dibuat di lapangan dapatan dari media sosial dan dapatan dari kajian secara atas talian. Kesemua ini menunjukkan keseriusan kerajaan untuk mengukuhkan muafakat antara kerajaan negeri dengan rakyat. Pelaksanaan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 meliputi 8 teras utama. Pemerkasaan ekonomi, kesejahteraan sosial, tadbir urus cekap, berintegriti dan demokratik, ekonomi baru dan komuniti digital, sistem pendidikan Islam, modal insan dan warisan Johor, pesona srikandi dan aspirasi artis muda, kelestarian alam sekitar, pengangkutan awam dan infrastruktur mega.

Selaku Menteri Besar, kerajaan Johor dari semasa ke semasa akan mengambil pendekatan strategik yang terancang dan sistematik, kami juga komited berusaha dalam melonjakkan ekonomi Johor. Berdasarkan hala tuju strategik langkah dan modus operandinya, Pelan Pembangunan Mampan Johor ini diharapkan akan dapat memacu pembangunan Johor yang lebih dinamik, mampan dan holistik dengan usaha serta pendekatan yang bersepadu dari semua pihak yang berkepentingan termasuklah pihak pembangkang.

Pembangkang yang konstruktif adalah pembangkang yang tidak hanya jaguh mengkritik dan berhelah tetapi juga bersama-sama berganding bahu memajukan pembangunan negeri. Saya ulangi, pembangkang yang konstruktif adalah pembangkang yang tidak hanya jaguh mengkritik dan berhelah tetapi juga bersama-sama berganding bahu memajukan pembangunan negeri.

Seterusnya, izinkan saya menjelaskan peranan kerajaan negeri semasa insiden pencemaran alam sekitar yang berlaku di Pasir Gudang. Selepas insiden pencemaran ini berlaku di Pasir Gudang, tahun ini semakin ramai yang bangkit dan mula berbahas tentang isu pencemaran. Bukan sahaja dari wakil parti pembangkang, malah dari pihak kerajaan sendiri. Oleh itu, saya ingin menjawab pertikaian Ahli-Ahli Yang Berhormat dari kawasan Permas, Benut, Semarang, Perling dan Pasir Raja tentang kononnya terdapat banyak cakap-cakap di luar sana bahawa saya tidak mengambil berat tentang isu pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang. Sebenarnya, kerajaan negeri Johor tidak pernah memandang remeh tentang kejadian pencemaran alam sekitar yang berlaku di Pasir Gudang. Malah, tanpa sebarang liputan akhbar, saya turun padang hampir setiap hari ketika kejadian pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim pada bulan Mac lalu. Justeru, saya ingin menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini tentang komitmen saya, kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan demi memastikan kesejahteraan rakyat.

Dalam kes Sungai Kim Kim, kerajaan negeri telah memberi peruntukan segera sebanyak RM6.4 juta untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan sisa toksik di sungai tersebut. Dalam isu pencemaran udara yang berlaku di Pasir Gudang baru-baru ini juga, saya tidak melengah-lengah dan tidak mengambil pendekatan lepas tangan. Saya telah meminta semua agensi kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memantau penduduk Pasir Gudang khususnya dalam kalangan kanak-kanak.

Seterusnya, saya ingin mengulas pula tentang persoalan Puteri Wangsa berhubung langkah-langkah pengawasan yang kurang teliti dan kekurangan peralatan lebih canggih untuk mengesan kehadiran gas-gas yang berbahaya di udara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ambil maklum dan mendekati secara terperinci tentang segala perkara yang berlaku di Pasir Gudang sepanjang isu pencemaran alam sekitar. Sehubungan dengan itu, dua jawatankuasa ditubuhkan bagi memantau pencemaran di Pasir Gudang. Penubuhan Jawatankuasa ini bertujuan untuk menyelaraskan, memantau dan mengenal pasti impak yang bakal berlaku di Pasir Gudang.

Pertama, Jawatankuasa Kerja Teknikal Saintifik di Pasir Gudang. Jawatankuasa ini akan menyelaraskan, mengawasi dan mengesan impak yang bakal berlaku di Pasir Gudang. Jawatankuasa ini juga akan memperkasa aktiviti penguatkuasaan pada kilang-kilang haram. Bagi kes kilang yang berlesen sekiranya di dapati melakukan kesalahan dan telah diberi notis sebanyak dua kali, Pihak Berkuasa Tempatan akan mengeluarkan arahan penutupan kilang secara serta merta. Jawatankuasa ini akan turut disertai pelbagai jabatan teknikal serta pakar dari Universiti Teknologi Malaysia.

Kedua, Jawatankuasa Pemantauan ditubuhkan bagi yang dianggotai oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, NGO, Wakil Persatuan PIBG dan PAGEMA bagi melaporkan status terkini tahap pencemaran Pasir Gudang. Kedua-dua jawatan ini akan bermesyuarat secara berkala dan memberi laporan terus kepada Ahli Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar setiap bulan. Seterusnya sebagai usaha langkah jangka masa panjang kerajaan negeri akan merangka Pelan Pembangunan Bandar Pasir Gudang Yang Lestari. Dalam pelan ini juga kita akan memperhalusi cadangan penempatan semula kilang-kilang kimia yang berisiko tinggi serta mewujudkan zon penampungan ataupun *buffer zone*, dengan izin di antara kawasan industri dengan penempatan penduduk di Pasir Gudang.

Langkah-langkah di atas menterjemahkan kerajaan negeri Johor serius dalam mengatasi isu pencemaran alam sekitar di Pasir Gudang untuk jangka masa panjang. Kerajaan negeri Johor juga menyokong enam tindakan segera yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dalam sidang Parlimen baru-baru ini. Antaranya ianya mewujudkan stesen pengawasan gas pencemar toksik automatik, pembelian alat pengukur gas bergerak dan mewajibkan premis industri memasang alat pemantauan pelepasan sisa bahan kimia.

Maka, saya dengan rendah diri mewakili kerajaan negeri, mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, agensi dan jabatan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta semua pihak yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam menyelesaikan masalah pencemaran di Pasir Gudang ini. Kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, marilah kita memberi simpati dan empati kepada penduduk Pasir Gudang. Ada masanya kita boleh berbeza fahaman politik, tetapi marilah kita bersatu demi Pasir Gudang. Marilah kita bekerjasama bagi menangani masalah kesihatan yang dihadapi oleh penduduk khususnya kanak-kanak di kawasan Pasir Gudang yang berpunca dari masalah alam sekitar.

Selain itu, Benut turut meminta penjelasan tentang penangguhan projek *Rapid Transit System* (RTS), dengan izin, memandangkan segala isu berbangkit, termasuk tanah telah pun selesai. Penangguhan projek ini disebabkan kita memberi peluang kepada kerajaan untuk mengkaji semula kos-kos yang berkaitan. Kita hendak memberi keputusan berdasarkan maklumat yang terperinci yang berdasarkan kajian atau fakta. Tambahan pula, kita tidak mahukan pembaziran. Namun, kita menuntut ketelusan seperti mana yang dikehendaki oleh rakyat. Kerajaan Malaysia menerusi Ahli Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menandatangani perjanjian tambahan dengan pihak berkuasa Singapura pada 21 Mei 2019 untuk menangguhkan pelaksanaan projek RTS Link selama enam bulan iaitu mulai 1 April 2019 sehingga 30 September 2019. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur pada sesi penggulungan bertarikh 4 Julai 2019.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Larkin, berhubung persoalan berkaitan pelan kerajaan terhadap Syarikat Berkaitan Kerajaan atau GLC yang tidak menjana keuntungan dan membebankan kerajaan. Untuk makluman, GLC negeri Johor telah banyak memberi sumbangan dari segi ekonomi dan sosial terhadap pembangunan negeri Johor. Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan GLC negeri Johor terus berdaya saing dan mampu merencanakan lagi pembangunan ekonomi dalam sektor-sektor strategik. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri Johor sentiasa memberi penekanan bagi memantapkan institusi

kewangan setiap GLC. Sebagai langkah penambahbaikan, kerajaan negeri akan mewujudkan Unit Khas bagi Menganalisis dan Memantau Pelaburan, termasuklah GLC negeri Johor di bawah Perbendaharaan Negeri Johor. Unit ini akan meneliti dan memantau prestasi kewangan GLC secara berkala serta mencadangkan langkah terbaik bagi memantapkan prestasi kewangan GLC. Secara tidak langsung, ia akan dapat membantu kerajaan negeri sebagai agen katalis pembangunan Johor, dengan mendukung tanggungjawab sosial kepada rakyat termasuklah pembinaan Rumah Mampu Biaya, kemudahan pendidikan dan penyediaan infrastruktur awam.

Berkaitan dengan isu premium tanah, saya juga ingin merujuk kepada ucapan Penawar yang disifatkan sebagai sumberono tanpa fakta yang sahih. Sekiranya perkara ini dilihat dengan rasional, kadar premium yang dikenakan bagi tujuan perlanjutan tempoh pajakan rumah kediaman adalah sangat adil dan dengan izin, *fair enough* dan ianya hanyalah bayaran sekali bagi setiap 60 atau 99 tahun. Secara mudahnya, andai kata tanah tersebut dinilai dengan kadar RM50,000.00 maka premium yang dikenakan untuk pilihan 60 tahun adalah 15% sahaja iaitu bersamaan dengan RM7,500.00 dan jika dibahagikan kepada 60 tahun hanyalah RM125.00 sahaja untuk setiap tahun. Premium tanah bagi tapak rumah kediaman pada kadar 15% atau 30% daripada harga pasaran ini bukanlah ketetapan baru kerajaan pada hari ini, sebaliknya ia adalah berdasarkan kepada JPU 94 yang diwartakan pada Disember 2004 dan mula berkuat kuasa pada Januari 2005 iaitu lebih 14 tahun yang lalu. Janganlah kita bersikap 'membaling batu, sembunyi tangan'. Justeru itu, kenyataan Yang Berhormat Penawar yang menyatakan kadar premium sangat meningkat sehingga 150% adalah tidak berasas dan jauh terpesong dari fakta sebenar.

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah kerajaan yang memahami denyut nadi rakyat, maka kerajaan negeri Pakatan Harapan telah bersetuju mengurniakan tapak rumah kediaman kepada Generasi Harapan FELDA dengan premium RM1.00 sekaki persegi sahaja. RM1.00 sekaki persegi sahaja. Yakin dan percayalah bahawa premium yang dijelaskan ini juga adalah jauh lebih rendah berbanding dengan infrastruktur yang akan disediakan oleh kerajaan termasuk jalan raya, perparitan di kawasan tersebut. Dengan kata lain, apa jua jumlah yang dikeluarkan pasti akan dikembalikan untuk kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Salah satu isu penting yang menjadi perdebatan dalam Dewan yang mulia ini, adalah isu kenaikan cukai tanah. Saya merujuk kepada persoalan berkaitan isu tanah yang dibangkitkan daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Machap, Bukit Pasir, Kempas. Untuk makluman Dewan, cukai tanah merupakan bayaran tahunan yang telah ditetapkan kadarnya dan perlu dibayar setiap tahun. Kadar bayaran ini terkandung di bawah Peraturan Tanah Negeri. Cukai tanah dikatakan tertunggak apabila gagal dijelaskan pada atau sebelum 31 Mei tahun berkenaan. Hasil tanah merupakan penyumbang terbesar hasil keseluruhan negeri Johor jika dibandingkan dengan hasil-hasil lain. Pada Tahun 2018, hasil tanah menyumbang sebanyak RM964 juta ataupun 62% daripada keseluruhan hasil negeri Johor. Terimaan cukai tanah merupakan antara penyumbang utama hasil kerajaan negeri Johor. Pada Tahun 2017, terimaan cukai tanah menyumbang sebanyak RM372.9 juta. Manakala pada Tahun 2018 terimaan cukai tanah telah menyumbang sebanyak RM381 juta meningkat kepada hasil kerajaan negeri Johor.

Untuk makluman Bukit Pasir, cukai tanah atau sewa berdasarkan istilah yang tersebut di dalam Kanun Tanah Negara adalah berbeza dengan cukai harta yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Cukai tanah dikenakan pada setiap tanah yang bermilik atau dengan kata lain, tanah yang mempunyai geran; manakala cukai harta adalah cukai yang dikenakan ke atas pemilik atau penghuni pegangan berkadar yang terletak dalam kawasan bidang kuasa PBT. Seperti yang dimaklumkan, kerajaan negeri Johor sedang dalam peringkat akhir bagi semakan semula pindaan cukai tanah kali ke-5 untuk tahun 2020 hingga 2029. Kami akan cuba pastikan ia akan dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada kerajaan dari segi kutipan hasil, malahan kesannya juga dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat. Insya-Allah.

Kajian semakan cukai tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa dan selari dengan pertumbuhan struktur pembangunan negeri. Selain itu, ia juga bertepatan dengan Seksyen 101 (1) Kanun Tanah Negara yang membenarkan Pihak Berkuasa Negeri membuat semakan secara berkala mengikut peruntukan-peruntukan yang tertakluk di bawah subseksyen (5). Oleh itu, tujuan semakan semula kadar cukai tanah negeri Johor ini adalah untuk menggantikan kadar cukai tanah semasa yang telah melebihi tempoh 10 tahun. Kadar cukai tanah sedia ada telah diwartakan sebagaimana Warta Kerajaan Negeri Johor J.P.U 95 bertarikh 16 Disember 2004 yang berkuat kuasa sejak tahun 2005 sehingga sekarang.

Selaras dengan ketetapan tersebut, kerajaan negeri Johor memberi komitmen bahawa prinsip-prinsip yang diguna pakai bagi membuat semakan cukai tanah bagi tahun 2020 hingga 2029 adalah seperti berikut:

1. Mengenakan kadar cukai tanah yang lebih sesuai dan munasabah mengikut keadaan, kegunaan dan keluasan tanah.
2. Memastikan pembangunan hartanah diselarikan dengan pertumbuhan ekonomi.
3. Meningkatkan terimaan hasil bagi kerajaan negeri Johor.
4. Menentukan kadar kenaikan yang munasabah dan tidak membebankan pihak yang berpendapatan rendah.
5. Menggalakkan kemasukan pelaburan asing dan merancakkan pertumbuhan pelaburan tempatan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Kempas berkenaan semakan semula cukai tanah ini. Beberapa aspek telah diambil kira dalam semakan semula pada kali ini yang melibatkan bukan sahaja kepada kategori pertanian malahan juga melibatkan juga kategori industri dan bangunan. Namun kenaikan yang dikenakan ini masih lagi dalam kadar yang munasabah seiring dengan keadaan ekonomi semasa. Ini kerana, kita masih mengambil kira pekebun kecil yang mempunyai keluasan berskala kecil dikenakan cukai tanah yang lebih rendah berbanding bagi mereka yang mempunyai keluasan tanah berpuluh mahupun beratus hektar. Suka juga untuk saya nyatakan di sini bahawa, kos cukai tanah di negeri Johor adalah terlalu kecil berbanding kos-kos pengeluaran tanaman yang lain. Saya ambil contoh tanaman nenas yang mana Johor antara negeri pengeluar utama nenas di Malaysia. Cuba bayangkan, satu hektar tanah boleh ditanam sekitar 30,000 pokok dan penuaian diperolehi dalam tempoh sekitar 14 bulan bagi setiap pusingan. Harga jualan semasa nenas adalah RM1.00 hingga RM4.00 sekilogram, maka hasil jualan nenas boleh mencapai antara RM30,000.00 sehingga RM120,000.00 setiap pusingan bagi setiap hektar tanah. Walau bagaimanapun, kadar cukai bagi tanaman nenas hanyalah RM10.00 sehektar. Senario ini menunjukkan kadar bayaran yang dikenakan sangat berpatutan dan munasabah.

Melalui semakan semula cukai tanah ini juga, kita akan berlaku lebih adil khususnya kepada pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanah kurang daripada 10 ekar. Bagi tanaman kelapa sawit misalnya, kadar cukai yang dikenakan bagi pemilik tanah yang memiliki tanah berkeluasan 10 ekar dan 90 ekar adalah sama iaitu RM40.00 sehektar. Sedangkan dalam semakan semula ini kita akan merangka julat yang lebih kecil bagi memastikan pindaan cukai tanah yang akan dilaksanakan nanti tidak membebankan para pekebun kecil khususnya B40. Sebaliknya, kenaikan cukai tanah ini difokuskan kepada tanah-tanah yang bersaiz besar.

Walaupun tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri ini kelihatan tidak popular dan memberi ruang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang untuk menyerang

kerajaan. Kita yakin rakyat akan dapat menilai bahawa semakin semula cukai tanah ini sama sekali tidak menjejaskan rakyat khususnya golongan B40. Insya-Allah. Apatah lagi peningkatan pendapatan negeri yang terhasil daripada cukai baru kelak akan digunakan sebaiknya demi manfaat dan kesejahteraan rakyat. Saya juga mendapati Yang Berhormat Machap juga dalam ucapan perbahasannya juga memetik isu ini semakin cukai tanah yang saya jelaskan semasa sesi jawapan bagi soalan lisan pada minggu lalu. Sekiranya Yang Berhormat memberi perhatian akan kenyataan tersebut, saya juga memberi penekanan kepada usaha-usaha penjana hasil baharu, di samping merangka usaha ke arah memaksimumkan pendapatan hasil tanah yang bersifat mampan serta melakukan perbelanjaan secara berhemah. Kajian semula pelaksanaan pindaan cukai tanah telah mula dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional. Namun pada masa itu, ia tidak dilaksanakan disebabkan Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14. Justeru, pada hemat saya, berdasarkan pelbagai wajaran yang dinyatakan, pindaan cukai ini tidak sepatutnya dipolitikkan dan diperbesar-besarkan seolah-olah ia sangat membebankan rakyat.

Saya ingin menjawab pertikaian oleh Benut yang menyatakan Menteri Besar perlu bersama-sama Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Pelaburan dan Utiliti pergi ke luar negeri bagi menarik lebih ramai pelabur untuk melabur di negeri Johor. Saya berharap janganlah Benut, atau mana-mana perwakilan pembangkang berasa risau dan gundah tentang siapa yang pergi ke luar negara untuk menarik pelabur. Hal ini disebabkan saya dan barisan EXCO faham akan kerja dan tanggungjawab masing-masing. Saya sentiasa memantau hasil kerja barisan EXCO saya. Saya juga yakin dengan kebolehan dan kewibawaan setiap ahli EXCO. Malah, hampir setiap minggu saya mendapat maklumat daripada setiap portfolio EXCO dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan. Justeru itu, pihak pembangkang tidak perlu risau akan kemampuan barisan EXCO-EXCO saya. Kami bekerja dalam satu pasukan, mengambil tindakan bersama, keputusan bersama dan mengambil tanggungjawab bersama. Kami merealisasikan titah DYMM Tuanku, Muafakat itu Berkat. Apa yang penting bagi saya adalah hasil jumlah pelaburan yang berjaya dibawa oleh EXCO saya demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat Johor.

Timbul pula suatu persoalan, apa keperluan kita untuk pergi beramai-ramai ke luar negara bagi tujuan menarik pelabur asing? Bukankah itu semua akan menambahkan kos yang lebih besar ke luar negara. Saya berpendapat bahawa tidak perlu dilakukan oleh sebuah kerajaan dalam situasi ekonomi negara kita pada masa ini. Jelas, kita mahu membendung ketirisan wang rakyat. Pada masa yang sama, negeri Johor amat beruntung kerana setiap kali delegasi Malaysia membuat lawatan ke luar negara, nama perwakilan Johor tidak pernah ketinggalan. Pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) meyakini kemampuan dan potensi Johor dalam pelbagai projek ekonomi yang berdaya saing dan berdaya maju. Malah kedudukan Johor yang berhampiran dengan Singapura memberi kelebihan ekonomi kepada Johor.

Saya juga menyanggah dakwaan Machap bahawa keyakinan pelaburan menurun untuk melabur di Johor. Faktanya, pada tahun 2018 KDNK bagi negeri Johor diunjurkan berkembang pada kadar 5% iaitu lebih tinggi daripada kadar di peringkat nasional 4.7%. Keyakinan pelabur kepada suasana dan ekosistem ekonomi Johor terbukti utuh dengan penerimaan pelaburan tahunan tertinggi di Malaysia buat kali keenam berturut-turut iaitu sebanyak RM30.5 bilion. Selain itu, prospek pertumbuhan ekonomi Johor pada tahun 2019 adalah positif dengan jangkaan pertumbuhan pada kadar 5% sehingga 5.5%. Oleh yang demikian, pihak pembangkang usah terlalu risau dengan perancangan dan jumlah kemasukan pelabur asing di Johor. EXCO Pelaburan bersama-sama agensi pelaburan kerajaan persekutuan seperti MIDA dan agensi kerajaan negeri melalui JSIC, syarikat GLC dan jabatan kerajaan Johor telah melipatgandakan usaha bagi menarik lebih banyak syarikat dari dalam dan luar negara melabur di negeri Johor.

Seterusnya saya merujuk kepada perbahasan Buluh Kasap dan Puteri Wangsa mengenai janji kerajaan Pakatan Harapan untuk memberikan insentif komputer riba kepada semua ketua kampung. Kerajaan negeri amat prihatin dengan keperluan ketua kampung untuk

menjalankan tugas dengan sebaiknya. Pemberian komputer riba ini bukan sahaja diberikan kepada ketua-ketua kampung tetapi kerajaan negeri telah bersetuju untuk memanjangkan manfaatnya kepada ketua-ketua masyarakat. Oleh itu, dengan pemberian komputer riba ini diharapkan ketua-ketua kampung, ketua-ketua masyarakat dapat menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dengan memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat setempat, sekali gus menepis tohmahan daripada perwakilan pembangkang berkaitan prestasi ketua-ketua kampung di negeri Johor.

Seterusnya, saya menyokong penuh hasrat Gambir bagi mewujudkan Dasar Kemakmuran Bersama demi kesejahteraan negeri serta rakyat negeri Johor. Gambir seorang yang berpengalaman, cakna dan berfikiran jauh dalam membangunkan Johor. Gambir turut memberi sumbangan yang besar dalam mentransformasikan Johor sebagai sebuah negeri maju dan moden. Oleh yang demikian, cadangan mewujudkan Dasar Kemakmuran Bersama melalui lapan teras utama akan diberi penekanan khusus oleh Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan) bersama-sama dengan pelbagai agensi yang berkaitan. Dasar Kemakmuran Bersama ini akan menjadi agenda penting dalam pelan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12. Dasar ini akan menerasi tiga aspek utama yang menjadi aspirasi kerajaan Pakatan Harapan iaitu pemerikasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan merekayasa bidang kemasyarakatan dan kemanusiaan. Kerajaan Pakatan Harapan komited dan memandang serius akan ketiga-tiga aspek yang diberi penekanan tersebut. Hal ini kerana kesejahteraan sosial dan nikmat pembangunan yang adil dan saksama hanya akan dinikmati oleh rakyat terbanyak menerusi agihan yang seimbang dan bersasar daripada kerajaan yang berintegriti dan berhemah. Kami di pihak kerajaan Johor mendukung penuh cadangan ini dan akan merealisasikan sebaik sahaja RMK-12 dilancarkan. Dasar ini secara tidak langsung dijangka akan mengurangkan kesenjangan sosial antara rakyat berbilang kaum, antara negeri, antara wilayah serta dapat mengukuhkan kesepaduan dan perpaduan rakyat dalam jangka panjang.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada ucapan Benut yang menyentuh tentang isu pelupusan hutang air Johor dengan memberikan penjelasan yang panjang lebar. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada 20 April 1999, kerajaan negeri Johor telah memeterai satu perjanjian penswastan rawatan air mentah dan pengagihan air terawat untuk seluruh negeri Johor selama 30 tahun. Perjanjian itu dibuat dengan sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Lambang Optima Sdn. Bhd. (LOS) iaitu SAJ Holdings Sdn. Bhd. yang kini dikenali sebagai Ranhill SAJ Sdn. Bhd. (RSAJ). Pada tahun 2005, perkara berkaitan perkhidmatan air dipindahkan dari senarai negeri kepada senarai bersama dalam Perlembagaan Persekutuan, di mana Akta 655 Industri Perkhidmatan Air diwartakan pada tahun 2006. Ini menyebabkan kawal selia air mentah kekal kepada kerajaan negeri dan kawal selia air terawat berpindah kepada kerajaan persekutuan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri Johor, kerajaan persekutuan, Syarikat Air Johor Sdn. Bhd, Ranhill Utilities Berhad dan Pengurusan Aset Air Berhad telah menandatangani *Master Agreement* pada 11 Mac 2009 bagi tujuan migrasi industri bekalan air Johor kepada kawal selia di bawah SPAN.

Pada tahun 2010, baki hutang Projek Bekalan Air Kerajaan Negeri Johor kepada kerajaan persekutuan berjumlah RM1.208 bilion. Sepatutnya kesemua baki hutang Projek Bekalan Air Negeri Johor telah diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) melalui Proses Migrasi Bekalan Air. Pada tahun 2011, hanya sejumlah RM873.7 juta sahaja daripada RM1.208 bilion telah dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebagaimana perjanjian bertarikh 21 Jun 2011. Ini menyebabkan baki hutang berjumlah RM334.5 juta masih ditanggung oleh kerajaan negeri Johor. Umum mengetahui baki hutang Projek Bekalan Air Negeri Johor berjumlah RM334.5 juta adalah merupakan pinjaman yang bersumberkan Bank Pembangunan Asia dan Bank Dunia. Kerajaan negeri Johor telah banyak kali membuat permohonan kepada kerajaan persekutuan agar baki hutang berjumlah RM334.5 juta dijadikan geran kepada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, sehingga Mac 2018, kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kewangan Malaysia menyatakan bahawa permohonan kerajaan negeri Johor supaya pinjaman projek bekalan

air yang dibiayai melalui Bank Pembangunan Asia dan Bank Dunia yang keseluruhannya berjumlah RM334.5 juta. Geran ini tidak dapat dipertimbangkan kerana pinjaman tersebut bertujuan melaksanakan projek bekalan air bandar. Di dalam baki hutang berjumlah RM334.5 juta ini, sebenarnya terdapat pecahan pinjaman bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar dan Projek Bekalan Air Bandar. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri Johor meneruskan usaha dan menghantar permohonan dan justifikasi kepada kerajaan persekutuan.

Justeru, satu mesyuarat telah diadakan di Kementerian Kewangan Malaysia pada September 2018, yang mengambil keputusan bahawa sebanyak RM189.4 juta dihapus kira dan sebanyak RM145.1 juta dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Untuk makluman, dasar kerajaan persekutuan hanya menghapus kira pinjaman Projek Bekalan Air Luar Bandar sahaja dan tidak termasuk Projek Bekalan Air Bandar. Akhirnya pada Mei 2019, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan surat persetujuan untuk menghapus kira pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Johor bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar berdasarkan baki pinjaman belum selesai seperti pada 31 Disember 2018 berjumlah RM189.4 juta.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada ucapan Senggarang yang menyentuh tentang usaha kerajaan negeri dalam melaksanakan dasar penerokaan sumber air alternatif. Untuk makluman, isu berbangkit ini telah pun dijawab oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti pada sesi penggulangan yang lepas. Namun begitu, sebagai ketua pentadbiran kerajaan negeri, saya bertanggungjawab untuk menyatakan pendirian kerajaan negeri yang serius dalam usaha meneroka pelbagai sumber air alternatif. Pada masa kini, negeri Johor hanya memanfaatkan sumber air di bawah tanah sebanyak 1%. Namun, kami tidak berdiam diri dan beberapa langkah proaktif telah pun dilaksanakan. Kerajaan negeri telah membina 3 buah telaga tiub, *tube well* yang berkapasiti hampir 1 MLD yang dibina berhampiran Loji Rawatan Air Lok Heng. Telaga tiub ini akan bertindak sebagai sumber air alternatif, sekiranya pencemaran atau kemerosotan paras air sungai. Selain itu, kerajaan negeri sentiasa peka terhadap perancangan baharu sumber air alternatif ini. Untuk makluman, kerajaan negeri melalui Badan Kawal Selia Air Johor turut mempunyai perancangan untuk menjalankan kajian air di bawah tanah di seluruh negeri Johor. Kajian penerokaan sumber air alternatif ini akan dilakukan secara berperingkat.

Pertama, kerja-kerja pemetaan, *ground water mapping* dengan izin bagi penerokaan sumber air alternatif ini akan dijalankan terlebih dahulu bagi mengenal pasti kawasan-kawasan berpotensi. Kedua, pihak kerajaan negeri berpandangan bahawa sumber air hujan boleh dimanfaatkan sebagai salah satu sumber air alternatif, di mana penuaian air hujan ini boleh diproses dan disimpan di dalam loji dan baraj. Langkah ini juga boleh digunakan bagi tujuan komersial. Ketiga, kerajaan negeri akan mempertimbangkan rawatan air laut menerusi teknologi penyahgaraman sebagai sumber alternatif bagi menampung peningkatan keperluan bagi tempoh perancangan jangka masa panjang. Selain itu, saya ingin menasihatkan kepada seluruh rakyat Johor agar mengubah sikap untuk menggunakan air secara berhemah. Malah, saya berharap pihak kerajaan dan swasta dapat memberikan sokongan dalam menerapkan pelbagai inisiatif penggunaan air secara berjimat dalam kehidupan harian.

Antara usaha yang boleh dilaksanakan di bawah pengurusan permintaan adalah melalui penggunaan teknologi penjimatan air. Sebagai contoh, paip yang tidak mengeluarkan air secara deras. Marilah kita renungi firman Allah SWT menerusi kalimah suci ayat al-Quran yang dipetik dari surah al-Nahl, ayat 10, mafhumnya, “Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhan pokok-pokok untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak yakni makan padanya”. Semoga kita semua mensyukuri nikmat yang Allah berikan dan menggunakan air secara bijaksana dan berhemah.

Sebelum mengakhiri ucapan penggulungan saya, saya ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan penuh ke atas kepimpinan saya untuk menerajui pentadbiran kerajaan negeri Johor. Saya dan barisan EXCO serta penjawat awam di negeri Johor memberi komitmen yang maksimum untuk terus berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik demi rakyat dan negeri Johor yang kita cintai. Di sinilah, kita semua menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi untuk meneruskan kelangsungan sebuah negeri yang maju, moden, dan progresif. Saya ingin mengingatkan sidang Dewan berkaitan cerita rakyat yang amat signifikan dalam konteks Dewan ini. Ingatlah, bahawa perlahannya sang kura-kura pernah mengalahkan arnab yang sombong, semua akibat sifat lalai dan tamak. Signifikannya, buanglah sifat mazmumah yang negatif, sebaliknya marilah kita pungarkan sifat-sifat mahmudah yang positif bagi mengukuhkan muafakat bangsa Johor. Saya sentiasa mengingatkan seluruh jentera kerajaan bahawa kerajaan negeri Johor akan bertindak berdasarkan perancangan strategik yang dijalankan dengan teliti dan kolektif. Kami berpijak di bumi nyata. Saya akui keberadaan kami di sini atas mandat dan amanah rakyat.

Rakyat memberi harapan yang besar kepada kami untuk mewujudkan sistem tadbir urus yang lebih baik, telus dan berintegriti. Saya akui bahawa setiap tindakan kami dinilai oleh rakyat, rakyat kini semakin bijak dalam mengakses maklumat dari pelbagai sumber. Literasi politik dalam kalangan rakyat juga semakin tinggi. Justeru, kami mengambil sikap biar langkah yang digerakkan ini kelihatan perlahan tetapi penuh dengan kesantunan, kesusilaan dan beretika. Saya sentiasa mengingatkan seluruh jentera kerajaan untuk bertindak secara pengurusan kejut tanpa tergopoh-gapah dalam mengurus dan mentadbir negeri. Tambahan pula, rakan-rakan kita di sebelah sana sentiasa memberi tekanan dan mengemukakan pelbagai dakwaan berdasarkan persepsi. Namun saya mengambil sikap terbuka, amalan demokrasi atas nama kebebasan bersuara. Apa yang penting ialah kerjasama dan keupayaan untuk kita fokuskan terhadap apa yang kita rancang strategik dan dilaksanakan berdasarkan matlamat yang jelas dan sasaran yang ditetapkan. Pada hemat saya, tiada gunanya kita berjalan laju, mendabik dada, berasa riak dan sombong, mengutamakan kepentingan dan kedudukan politik masing-masing, kecenderungan mengisi perut kawan-kawan politik yang akhirnya membebankan kesejahteraan rakyat, khususnya bangsa Johor. Dari Johor merantau ke Perlis, menyeluk saku sampai ke betis, kepercayaan rakyat habis dikikis, hakikatnya parti ternoda pasti ditepis.

Saya ingin menegaskan bahawa perancangan kerajaan Pakatan Harapan hari ini adalah bersifat muhibah, sejahtera dan kolektif ke arah kesejahteraan sosial, kemakmuran ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Semua tindakan kita dalam kerajaan Pakatan Harapan demi agama, bangsa dan tanah air yang tercinta. Insya-Allah ingatlah semua Ahli Dewan, di sini kita dilahirkan, di sini kita mendapat banyak nikmat dan di sinilah kita akan mengakhiri sebuah kehidupan, insya-Allah. Saya juga berharap dan berdoa agar apa jua idea, konsep, pelan, tindakan dan strategi yang kita telah, sedang dan akan lakukan adalah semata-mata untuk bangsa Johor. Namun kita perlu berakar dari fasa keramat insaniah, iaitu rahmatan lil alamin agar segala usaha ikhlas kita memperkasa dan menyejahterakan kehidupan rakyat berjaya kita laksanakan.

Sidang Dewan yang dimulakan, saya ingin memperingatkan semua bahawa kemenangan Pakatan Harapan dalam PRU ke-14 adalah sekali gus memegang amanah mentadbir negara dan negeri dengan hala tuju politik yang baharu yang lebih demokratik, berintegriti dan penuh bertanggungjawab. Semua pihak sedia maklum bahawa kerajaan Pakatan Harapan baru setahun jagung. Adalah tidak adil untuk terus menuding jari, meletakkan sepiuh kesalahan, kegagalan dan ketidakcekapan tadbir urus hanya dalam tempoh sesingkat itu. Tidak adil untuk menilai kewibawaan dan pembangunan dalam tempoh yang sangat pendek. Hakikatnya segala kekalutan, kerancungan pembangunan yang berlaku selama ini berakar umbi daripada pemerintahan kerajaan yang lepas. Sebenarnya kita sedang membaiki segala kerosakan untuk membolehkan seluruh jentera kerajaan difokuskan untuk pembangunan rakyat dan kemajuan negeri secara berterusan.

Menurut Ahli Sejarah bernama Prof. E.H Car, sejarah adalah hubungan antara masa lalu dan masa kini. Sejarah bukanlah sesuatu yang bersifat *missing link*, dengan izin antara apa yang telah berlaku pada masa lalu dengan apa yang berlaku pada masa kini. Justeru, sejarah merakamkan episod sepanjang zaman. Jadi, rakan-rakan kita di sebelah sana, jangan menuding satu jari kepada kami, fikirkanlah empat jari yang menuding kepada anda sendiri. Seperti mana yang saya nyatakan pada awal ucapan tadi, saya ingin mengingatkan tanggungjawab ini sebagai pemimpin, tambahan pula kita menjadi pemimpin atau wakil rakyat atas pilihan rakyat. Justeru, obligasi kita kepada rakyat, lebih-lebih lagi kepada pencipta. Marilah kita membetulkan niat, marilah kita memugar idealisme, marilah kita berganding bahu, marilah kita bersepakat demi rakyat, marilah kita memerah minda, marilah kita menggunakan kudrat, marilah kita mengukuhkan muafakat, marilah kita bersatu, kita boleh berbeza fahaman politik dan kita boleh berbeza pendapat. Tetapi, keazaman politik adalah satu iaitu untuk memakmurkan dan mensejahterakan kehidupan rakyat. Justeru, kita boleh mensinergikan seluruh kekuatan, kesatuan fikiran, kesatuan tindakan demi agama, bangsa dan negeri kita yang tercinta. Ingatlah tiada apa yang paling membahagiakan bagi seorang pemimpin melainkan apabila melihat rakyat yang dipimpinnya hidup dalam keadaan aman, makmur, bahagia dan sejahtera.

Sekianlah ucapan saya, semoga Johor terus maju, moden dan progresif di bawah pimpinan Pakatan Harapan yang mendapat naungan yang berterusan di bawah kepimpinan kesultanan Johor. Saya mengakhiri ucapan dengan kata-kata keramat seperti mana yang terakam dalam Undang-Undang Tubuh kerajaan Johor 1895 iaitu kepada Allah berserah dan muafakat itu berkat. Sekian sahaja ucapan penggulungan saya. Saya akan terus bekerja dan berkhidmat untuk rakyat. Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan terima kasih.

YB Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menggulung begitu panjang pada tengah hari ini.

Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, suatu ucapan menjunjung kasih sebagaimana berikut:

“Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Negeri Johor yang Ke-14.”

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

JURUTULIS : RUNDINGAN MENGENAI PERLANTIKAN Pengerusi Jawatankuasa KIRA-KIRA RAYA.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 110(3). Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri untuk Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor bagi menggantikan Yang Berhormat Tuan Tan Chen Choon, yang telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar. Dan dengan itu, adalah dicadangkan supaya Yang Berhormat Tuan Tan Hong Pin dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Raya yang baharu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

JURUTULIS : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2019

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa Bagi Keseluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2019 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2019 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Tambahan peruntukan pembangunan ini merupakan tambahan yang pertama bagi tahun 2019. Tambahan peruntukan pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM8 juta di bawah satu jawatankuasa seperti berikut :

Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM8 juta. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa .

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya jumlah wang sebanyak RM8,000,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor; dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM8 juta bagi menampung projek-projek pengambilan balik tanah (PBT) tahun 2018 dan projek-projek keutamaan tahun 2019 yang memerlukan perlaksanaan segera bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2019 telah pun selesai ditimbangkan maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2019. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM8 juta yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2019 itu diluluskan oleh Dewan ini.

Dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM8 juta hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2019 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat yang tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

JURUTULIS : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN TAHUN 2019

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2019 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2019. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM20,941,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah satu jawatankuasa seperti berikut :

Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi negeri Johor, RM20,941,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YB Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya wang sebanyak RM355,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Dewan Negeri; RM275,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Kem Sultan Ibrahim; RM311,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.26, Muzium Diraja Abu Bakar Istana Besar Johor; dan RM20,000,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.28, Sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang Ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Dewan Negeri diperuntukkan sebanyak RM355,000.00 bagi menampung emolumen Jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Kem Sultan Ibrahim diperuntukkan sebanyak RM257,000.00 bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium Diraja Abu Bakar Istana Johor diperuntukkan sebanyak RM311,000.00 bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.28, Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun diperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi caruman kepada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan untuk memproses permohonan-permohonan pinjaman perumahan.

YB Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

YB Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2019 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut : Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2019.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Alhamdulillah, Persidangan kita setelah hampir sudah ke hujung. Dan, saya mengambil kesempatan ini untuk meminta ampun, kesilapan, salah silap dan sebagainya sepanjang saya mengendalikan persidangan ini. Sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, dijemput semua Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan semua yang hadir untuk jamuan tengah hari di Dewan Bankuet sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.06 petang.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Cik Hajah Shubannah binti Yusuf, SIJ., PIS.

Penolong Jurutulis

Encik Hasnul Atmam bin Othman
Puan Farrah Diana binti Mohammad

Ketua Unit Dewan

Puan Hajah Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd Norazri bin Kasim
Encik Mohd Sapri bin Manan
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah
Encik Muhammad Khairul bin Arop

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)

Puan Hajah Azlin binti Bahrin
Puan Hajah Rumiah binti Sumirono
Puan Hajah Saniah binti Kassim
Puan Junaidah binti Paing
Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Puan Nor Dalilah binti Dahlan
Puan Fareza binti Musa
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Puan Shuriati binti Abdul Hajar
Puan Norlydialina binti Ithnain
Puan Norhafizah binti Osman
Puan Raihanah binti Ismail

Rakaman

Encik Azizan bin Md. Sidi
Encik Khairul Annuar bin Umar Usman

Juruaudio Video

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh
Encik Ismail bin Abu Bakar

UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR
29 Ogos 2019